

NILAI ETIKA DALAM PERBILANGAN ADAT PERPATIH
MENURUT PANDANGAN ISLAM

NOR HASIAH BINTI HARUN

JABATAN AL - QUR'AN DAN AL - SUNNAH
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR
SESI 1990 / 91

NILAI ETIKA DALAM PERBILANGAN ADAT PERPATIH
MENURUT PANDANGAN ISLAM

OLEH

NOR HASIAH BINTI HARUN

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA
PENGKAJIAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN

JABATAN AL-QUR'AN DAN AL-SUNNAH
FAKULTI PENGKAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI 43600, SELANGOR DARUL EHSAN

SESI 1990/91

Latihan Ilmiah ini ku abadikan buat :

Ayanda bonda yang tercinta,
Pengorbananmu ku sanjung tinggi,
Terima kasih di atas kesabaranmu
mendidik, membimbing serta
menanti kepulanganku.

Harapanmu untuk melihat anakmu ini
menjadi insan yang berilmu
dengan 'kertas segulung'
Isyaallah telah ku tunaikan.

Doakan semoga, aku menjadikan
ia sebagai alat untuk menambah
keimanan dan ketakwaanmu pada
Ilahi serta membimbing keluarga
dan bangsaku.

Doaku untukmu,

"Ya Allah, ampunilah dosa kedua
ibubapaku, berkatilah umurnya
dan masukkan mereka berdua
dalam golongan hamba-hamba
yang beriman, beramal soleh
serta sentiasa di bawah hidayah
dan inayahMu, Amin ..."


Ikhlas dari anakmu,

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

01 April, 1991

15 Ramadhan 1411



(NOR HASIAH HARUN)

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
 عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا
 مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَجَاهِدِينَ فِي
 سَبِيلِ الْإِسْلَامِ يَوْمَ الدِّينِ .

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia serta izin dan C^{inayah}Nya terutama penulis telah terselamat daripada peristiwa ngeri 9hb. Mac, 1991 jam 3.10 petang, maka penulis berjaya menyempurnakan Latihan Ilmiah ini. Di sini penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada :

[i] Ustazah Hasnah Hj. Salleh, selaku penyelia kepada Latihan Ilmiah penulis di atas kesudian beliau memberikan bimbingan dan meluangkan masa kepada penulis sehingga penulis dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Yang berbahagia En. Haji Ahmad Tainu, Ketua Penyelidik Koleksi Budaya, Seremban, Ustaz Haji Mustaffa Haji Ahmad, Ustaz Ali Baharom, En. Haji Md. Sharif Fakeh Hassan dan Encik Sulaiman Kadimi, Pegawai Pesaka daerah Kuala Pilah, yang telah banyak memberi bimbingan, penjelasan serta pandangan berhubung dengan kajian ini.

[ii] Yang dihormati dan dikasihi para pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, khasnya para pensyarah di Jabatan

Pengajian Al-Qur'an dan al-Sunnah, semoga segala ilmu yang dicurahkan kepada penulis dan rakan-rakan selama di kampus ini diberkati Allah serta memberi manfaat di dunia dan diakhirat.

[iii] Kak Ina yang telah menaip Latihan Ilmiah ini, rakan-rakan seperjuangan yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak membantu penulis menyiapkan Latihan Ilmiah ini terutama Liza, Kak Nah dan Misran.

[v] Akhir sekali teristimewa kepada keluarga tercinta, ayahanda dan bonda, alang, akak, anak saudaraku Najwa, Pak Teh sekeluarga, ~~serta~~ Pak Long sekeluarga serta Pak Anjang sekeluarga, doa kalian telah mengiringi kejayaan ini.

Nor Hasiyah Binti Harun (22700)
Jabatan Pengajian Al-Qur'an dan al-Sunnah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini membicarakan nilai etika yang terdapat dalam kata-kata perbilangan adat yang ada di dalam Adat Perpatih. Penilaiannya lebih khusus terhadap kata-kata perbilangan yang menyentuh tentang sistem nilai dan falsafah, sistem kekeluargaan dan kemasyarakatan, sistem ekonomi, sistem politik dan hukum adat. Perbincangan ini mengandungi tiga bab yang khusus.

BAB I : Penulis menyentuh tentang sejarah kedatangan Adat Perpatih dan Agama Islam ke Negeri Sembilan secara ringkas, pengertian adat serta menghuraikan sistem-sistem yang telah dinyatakan.

BAB II : Membicarakan pengertian etika dari sudut falsafah barat dan Islam. Di dalam bab ini juga penulis muatkan nas-nas syarak sama ada daripada al-Qur'an atau Hadis dan juga pendapat-pendapat ulamak yang bersesuaian ataupun yang bercanggah dengan kata-kata perbilangan tersebut.

BAB III : Penulis bawakan pandangan tokoh-tokoh agama di Negeri Sembilan serta pandangan penulis sendiri, sejauhmanakah kata-kata perbilangan adat itu bersesuaian dengan ajaran Islam. Akhir sekali penulis membuat kesimpulan secara menyeluruh berhubung dengan tajuk ini.

KANDUNGAN

JADUAL KANDUNGAN

HALAMAN

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
SINOPSIS	iv
JADUAL KANDUNGAN	v
SINGKATAN KATA	vii
TRANSLITERASI	viii
PENDAHULUAN	ix

BAB I - ADAT PERPATIH

1.1. Sejarah Kedatangan Adat Perpatih Ke Negeri Sembilan	1
1.2. Pengertian Adat	7
1.3. Sistem Adat Perpatih	11
1.3.1. Sistem Nilai Dan Falsafah Adat	12
1.3.2. Sistem Kekeluargaan Dan Kemasyarakatan ..	38
1.3.3. Sistem Ekonomi	38
1.3.4. Sistem Politik	43
1.3.5. Sistem Hukum Adat	50

BAB II - KONSEP ETIKA

2.1. Pengertian Etika	67
2.2. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Nilai Dan Falsafah Adat	72

JADUAL KANDUNGAN	HALAMAN
2.3. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Kekeluargaan Dan Kemasyarakatan	85
2.4. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Ekonomi	102
2.5. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Politik	108
2.6. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Hukum Adat	125
BAB IV - PANDANGAN DAN KESIMPULAN	
3.1. Pandangan Tokoh-tokoh Agama Masyarakat Adat Perpatih	163
3.2. Pandangan Penulis	175
KESIMPULAN	180

SINGKATAN KATA

a.s.	^c Alayh al Salām
cet.	cetakan
Dr.	Doktor
Prof.	Professor
ed.	diedit oleh
H.	Hijrah
hlm.	halaman
ibid	di tempat yang sama
jil.	jilid
juz.	juzuk
k.w.	Karrama Allah Wajhahū
M.	Masihi
ptrj.	penterjemah
r.a.	Raḍiya Allāh ^c anhu/ ^c Anhā
s.a.w.	Ṣalla Allāh ^c anhu/ ^c Anhā
s.w.t.	Subhānahū Wa Ta ^c ālā
t.pt.	tanpa penerbit
t.th.	tanpa tarikh
t.tp.	tanpa tempat

TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin
ا	i
ا	-
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	s

Huruf Arab	Huruf Latin
ض	d
ط	t
ظ	z
ع	c
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	t

Vokal Pendek	
a	_____ /
i	_____
u	_____ /

Vokal Panjang	
ā	_____ /
ī	_____ /
ū	_____ /

Diftong	
ay	_____ /
aw	_____ /

PENDAHULUAN

Kata perbilangan adat merupakan dasar hukum dalam pentadbiran Adat Perpatih. Istilah-istilah lain yang terangkum di dalamnya ialah pepatah petitih, gurindam, kata bidalan dan pantun. Kata-kata perbilangan ini diciptakan oleh orang-orang Minangkabau dahulu adalah berdasarkan kepada pengalaman setelah merenungi alam sekeliling. Cuba amati kata pantun ini :

Penakik pisau seraut
Ambil galah batang lintabung
Seludang jadikan nyiru
Setitik jadikan laut
Sekepal jadikan gunung
Alam berkembang jadikan guru.

Kata-kata perbilangan adat ibarat kata mustika yang berharga. Di dalamnya akan ditemui pepatah-petitih yang amat tinggi nilai falsafahnya, sekaligus memperjelaskan hubungan antara ajaran adat dengan ajaran syarak :

Pada adat
Menghilangkan yang buruk
Menimbulkan yang baik
Kata syarak
Menyuruh berbuat baik
Menegah berbuat jahat

Oleh yang demikian, kata-kata perbilangan ini telah mendorong hati penulis untuk membuat kajian yang lebih tertumpu kepada kata-kata perbilangan adat, seterusnya membuat penilaian sejauhmanakah kesesuaiannya dengan ajaran Islam. Semoga usaha ini memberi manfaat kepada para pembaca dan terutamanya kepada mereka yang hidup dalam masyarakat Adat Perpatih.

BAB II

KONSEP ETIKA

2.1. Pengertian Etika

Pengertian Etika atau 'Ethical' adalah berasal daripada perkataan Greek yang bererti adat kebiasaan.¹ Etika merupakan hukuman sains yang berkaitan dengan perbuatan sama ada benar atau salah.² Tujuannya menurut John Dewey, adalah untuk memberi satu keterangan yang sistematik berhubung dengan penilaian terhadap sesuatu perbuatan itu sama ada ianya baik atau jahat.

Dalam New American Encyclopedia, Etika ditakrifkan sebagai ilmu tentang falsafah moral, tidak mengenai fakta tetapi tentang nilai-nilai, tidak mengenai sifat tindakan manusia tetapi tentang ideanya, kerana ia bukan ilmu yang positif tetapi ilmu yang formatif.³ Manakala di dalam Dictionary of Philosophy, makna etika ditulis seperti berikut :

"Ethics is that study or discipline with concerns it self with judgements of approval and disapproval judgements as to the rightness or wrongness, goodness or badness, virtue or vice, desirability or wisdom of actions, dispositions, ends, objects or state affairs".⁴

¹John Dewey, Theory of Moral Life (Holt, Rinehart And Winston INC, 1960), hlm. viii.

²Ibid.

³Dr. Hamzah Ya'qub, Etika Islam (Jakarta : C.V. Publicita, 1979), hlm. 12.

⁴Dagobert D. Runnes, Dictionary of Philosophy (U.S.A. : Littlefield, Adams & Co. 1970), hlm. 12.

Daripada pengertian-pengertian yang dikemukakan oleh ahli falsafah di atas dapatlah dirumuskan bahawa makna etika di sisi ahli-ahli falsafah ialah ilmu yang menyelidiki mana yang baik dan buruk dengan memerhatikan amal perbuatan sejauh mana ia dapat diketahui oleh akal fikiran. Tegasnya etika pada pandangan mereka adalah bertitik tolak dari akal fikiran semata-mata tidak dari agama. Di sinilah letaknya perbezaan dengan pengertian etika yang dikemukakan oleh ahli falsafah Islam.

Di dalam pengajian Islam, Ilmu Etika disebut juga sebagai Ilmu Akhlak. Akhlak atau " اخلاق " adalah kata jamak " الخلق ". Ertinya tingkah laku, tabiat, perangai, bentuk keperibadian dan kebiasaan kemahuan.

Menurut Prof. Dr. Ahmad Amin dalam bukunya Kitab al-Akhlāk,¹ akhlak ialah suatu ilmu yang menjelaskan erti kebaikan dan keburukan, menerangkan apa yang harus dilakukan oleh setengah manusia kepada yang lainnya menyatakan tujuan yang harus dituju oleh manusia dalam perbuatan mereka dan menunjukkan jalan untuk melakukan apa yang harus diperbuat.

Drs. Sidi Ghazalba pula menjelaskan bahawa akhlak adalah sikap keperibadian yang melahirkan laku perbuatan manusia terhadap tuhan dan manusia, terhadap diri sendiri dan makhluk lain, sesuai dengan suruhan dan larangan serta pertunjuk Al-Qur'an dan Hadis.²

¹Ahmad Amin, Kitab al-Akhlāk, (Beirut : Darul Kitāb al-^cArabi, 1969), hlm. 12.

²Drs. Sidi Gazalba, Ilmu Islam III, 3 jilid, (K. Lumpur : Perusahaan Offset - Bumikita, 1979), hlm. 105.

Ilmu akhlak turut mengajar mana yang baik dan buruk berdasarkan ajaran Allah dan RasulNya.¹

Ajaran Etika Islam adalah sesuai dengan fitrah kejadian manusia dan akal fikiran yang lurus. Imam Al-Ghazālī salah seorang ahli falsafah Islam yang terkemuka telah menyebut pengertian Etika seperti berikut :²

"Ethics is a study or certain religious belief and rightness and wrongness of action for the purpose practice, and not for the sake of mere knowledge. Study of action includes the study of actions directed toward God, of actions directed towards one's fellow-man in family and his society, of purification of soul from vices and of its beautification with virtues".

Moral juga terkandung dalam bidang kajian ilmu Etika. Moral ialah norma-norma yang sesuai dengan konsep yang umum diterima tentang laku perbuatan manusia, mana yang baik dan wajar.³ Jadi, ianya sesuai dengan tindakan yang diterima oleh umum meliputi kesatuan sosial. Jelasnya ada persamaan antara etika dan moral. Namun ada perbezaannya yakni etika lebih banyak bersifat teori sedangkan moral lebih banyak bersifat praktikal.

Abul A'la Maududi dalam bukunya "Ethical View-point of Islam" telah memberikan garis yang tegas antara moral Sekular dan moral Islam. Moral Sekular adalah bersumberkan dari fikiran dan

¹ Dr. Hamzah Ya'cub, Etika Islam, hlm. 13.

² Muhammad Abul Quasem, The Ethics Of Al-Ghazālī A Composite Ethics In Islam (Petaling Jaya : Central Printing Sendirian Berhad, 1975), hlm. 22.

³ Drs. Sidi Gazalba, Ilmu Islam III, hlm. 105.

prasangka manusia yang beraneka ragam. Sedangkan moral Islam bersandarkan kepada bimbingan dan pertunjuk Tuhan dalam al-Qur'an.¹

Kesimpulannya, terdapat perbedaan yang nyata berhubung dengan pengertian etika dan moral di antara ahli falsafah barat (sekular) dengan ahli falsafah Islam. Dalam kajian Ilmu Islam, suruhan dan larangan yang sesuai dengan nilai baik dan buruk dalam etika Islam atau akhlak ditentukan oleh naqal iaitu dalil dari al-Qur'an dan al-Sunnah, sedangkan nilai baik dan buruk dalam etika dan moral di kalangan ahli falsafah barat ditentukan oleh akal semata-mata.

Etika Islam bersifat universal dan komprehensif sesuai dengan fitrah dan naluri serta akal fikiran manusia, maka etika Islam dapat dijadikan pedoman oleh seluruh manusia. Ia mengatur dan mengarahkan fikiran manusia ke jenjang akhlak yang luhur serta meluruskan perbuatan manusia di bawah pancaran sinaran hidayah Allah s.w.t. menuju kepada keredaanNya sehingga terselamat dari fikiran dan perbuatan-perbuatan yang menyesatkan dan mengelirukan.

Untuk mencapai matlamat tersebut, maka Allah telah mengutuskan kekasihNya Nabi Muhammad s.a.w. agar akhlak dan perilaku baginda dijadikan contoh dan ikutan di samping memimpin manusia ke jalan yang benar dan menjamin kebahagiaan manusia di dunia dan di akhirat.

Firman Allah :

وَأَنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ .²

¹Dr. Hamzah Ya'qub, Etika Islam, hlm. 14.

²Al-Qur'an, Surah al-Qalam, 68 : 4.

Maksudnya :

"Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung".

Rasulullah s.a.w. juga bersabda :

انما بعثت لاتمم مكارم الاخلاق¹.

Maksudnya :

"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia".

Adat Minangkabau di alam Minangkabau, Sumatera lebih awal muncul serta dijadikan panduan hidup daripada Agama Islam. Begitu juga dengan Adat Perpatih yang dibawa oleh orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan dan sebahagian Melaka, Adat Perpatih dijadikan satu cara hidup sebelum syariat Islam diperkenalkan.

Mengkaji sistem Adat Perpatih selepas kedatangan Islam, penulis mendapati wujudnya nilai-nilai etika yang murni kesan dari pengaruh Islam. Kata-kata perbilangan adat serta untaian pepatah petitihnya ada menyentuh soal-soal keakhiratan.

Dalam fasal berikutnya, penulis akan membentangkan perbilangan-perbilangan adat dan akan menganalisa sejauh manakah persesuaian perbilangan-perbilangan adat tersebut dengan etika Islam daripada sudut sistem Nilai dan Falsafah Adat, Sistem Kekeluargaan dan Kemasyarakatan, Sistem Ekonomi, Sistem Politik dan Sistem Hukum Adat.

¹Ahmad b. Hanbal, Musnad Al-Imam Ahmad b. Hanbal, 6 juzuk (Beirut : Maktabah Islami, t.th.), juz. 2, hlm. 38.

2.2. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Nilai Dan Falsafah Adat

Melalui fasal ini, penulis akan mengutarakan perbilangan-perbilangan adat yang menyentuh Sistem Nilai dan Falsafah Adat berhubung dengan konsep budi, muafakat, sabar dan bertanggung jawab.

Pandangan hidup masyarakat Minangkabau adalah berpangkal kepada budi.¹ Masyarakat adat dilatih dan dididik supaya mempunyai budi pekerti yang baik, berakal fikiran mulia dan tahu bertimbang rasa. Perbilangan adat yang menyentuh soal budi ini berbunyi :

Yang kurik itu kundi
Yang merah itu saga
Yang baik itu budi
Yang indah itu bahasa.

Falsafah dalam kehidupan sehari-harinya, perlu hormat-menghormati. Sesuai dengan kata perbilangan :

Yang tua dimuliakan
Sama sebaya dihormati
Yang muda dikasihi.

Falsafah ini, jika diamalkan, pada pandangan Tuan Haji Md Sharif Fakeh Hassan, kita akan mudah menyesuaikan diri dengan orang lain walau di mana kita berada.²

¹M. Rasjid Manggis Datuk Radjo Pangholoe, Minangkabau Sejarah Ringkas dan Adatnya, hlm. 147.

²Tuan Haji Md Sharif Fakeh Hassan, "Keberkesanan Adat Perpatih Di Dalam Pembentuk Sebuah Masyarakat Yang Dinamis", hlm. 10.

Seseorang individu juga digalakkan mempunyai sifat malu. Malu adalah satu yang dinamik dalam masyarakat adat.¹ Malu yang dikehendaki di sini ialah malu yang positif seperti malu melanggar adat, takut dipandang aib di mata masyarakat, rajin dan bersungguh-sungguh untuk berkerja kerana malu hidup miskin dan seumpamanya. Salah dalam masyarakat adat malu ditanggung bersama, malu seorang malu semua :

Nan sakit kata, nan malu nampak
 Malu tidak boleh diagih
 Malu tidak boleh dianjak
 Malu seorang malu semua.

Sehubungan dengan itu, Islam diturunkan untuk menyelamatkan akhlak manusia yang hampir pupus khasnya di zaman Jahilliah. Di saat keruntuhan peradaban manusia ketika itu, Allah telah mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w. untuk mendidik mereka ke arah pembentukan akhlak yang mulia. Dalam hal ini Allah s.w.t. telah berfirman :

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ²

Maksudnya :

"Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu teladan yang baik".²

¹M. Rasjid Manggis Datuk Radjo Panghoeloe, Minangkabau Sejarah Rengkas dan Adanya, hlm. 147.

²Al-Qur'an, Surah Al-Ahzāb, 33 : 21.

Sabda Rasulullah, yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah :

سئل رسول الله صلى الله عليه وسلم عن أكثر ما يدخل الناس النار، فقال الفم والفرج .¹

Maksudnya :

"Rasulullah s.a.w. ditanya tentang orang yang paling banyak dimasukkan ke neraka? Baginda menjawab : Jahat mulutnya dan tidak menjaga kemaluannya".

Definasi agama Islam itu sendiri dihubungkan dengan akhlak yang baik. Dalam sebuah hadis diterangkan seorang lelaki pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w. :

يا رسول الله ما الدين ؟ فقال الرسول صلى الله عليه وسلم : حسن الخلق .²

Maksudnya :

"Wahai Rasulullah apakah agama itu? Baginda menjawab : Akhlak yang baik".

Kehadiran agama Islam di alam Minangkabau menyempurnakan lagi nilai-nilai yang terdapat dalam Adat Perpatih. Akhlak Islam juga turut menyentuh tentang pentingnya sifat malu. Malu jadi pengukur kepada akhlak seseorang dari segi perbuatan kerana perbuatan mencerminkan budi pekerti. Sabda Rasulullah s.a.w. :

ان مما ادرك الناس من كلام النبوة الأولى اذا لم تستحي فاصنع ما شئت .³

¹ Abi ^CIsa Muhammad b. ^CIsa, al-Jami^{-C} al-Sahih wa Huwa Sunan al-Tirmidhi, 5 juzuk (Mesir : Mustafa al-Babi wa Auladuhu, 1985M-1395H), juz. 4, hlm. 323.

² _____, Kutub al-Sittah Sunan Ibnu Majah (t.tp:t.pt, t. t.), jil. : 18, hlm. 1400.

³ Abi ^CAbdullah Muhammad b. Yazid (al-Hafiz), Sunan Ibnu Majah, 2 juz (t.t. : al-Haya' al-^CArabi, 1975 - 1395H), hlm. 1400.

Maksudnya :

"Bahawasanya setengah yang didapati manusia dari perkataan nabi terdahulu ; ialah apabila engkau tidak malu maka kerjakanlah apa yang engkau kehendaki".

Dalam hadis di atas maksud "... apabila kamu tidak malu, kerjakanlah apa yang kamu kehendaki", adalah merupakan satu ancaman dan sindiran.¹ Jika seseorang tidak ada sifat malu, lakukanlah apa yang dia mahu tetapi ingat bahawa Allah akan membalasnya. Ini sama dengan firman Allah yang mengatakan : "Kerjakan apa yang kamu kehendaki, kerana sesungguhnya Dia Maha Melihat yang kamu kerjakan".² Sebaliknya buatlah kerja-kerja yang tidak memalukan sesiapa pun sama ada bagi diri sendiri, bagi Allah, mahupun bagi manusia. Lagipun, sifat malu itu adalah sebahagian daripada iman sepertimana sabda Rasulullah s.a.w. :

الحياء من الايمان .³

Maksudnya :

"Malu itu adalah sebahagian daripada iman".

Dalam falsafah adat juga menekankan konsep muafakat. Budi dan muafakat adalah inti perlaksanaan hukum adat Perbilang adat menyebut :

¹ Imam Nawawi, terj. Mustafa Abdul Rahman, Hadis Empat Puluh, (K. Lumpur : Dewan Pustaka Fajar, 1987), hlm. 249.

² Lihat Maksud Al-Qur'an, Surah Fusilat, 41 : 40.

³ Abi C Isa Muhammad b. C Isa, juz. 4, hlm. 124.

Bulat air tegal dek gopong¹
 Bulat manusia tegal dek muafakat
 Faham sesuai benar seukur
 Bulat segolek pipih selayang
 Rundingan jangan selisih
Muafakat jangan canggah,
 Tuah pada sekata
 Berani pada seiya.

Perbilangan di atas menerangkan supaya apabila seseorang itu membuat sesuatu keputusan yang melibatkan orang ramai, maka kata sepakat daripada mereka mesti diambil kira lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan pentadbiran sesebuah negara :

Bulat anak buah membuat buapak
 Bulat buapak membuat lembaga
 Bulat lembaga membuat undang
 Bulat undang menjadi raja.

Kata muafakat dapat mengelakkan berlaku perselisihan faham dan bermasam muka antara anggota masyarakat. Kesepaduan dalam masyarakat menjadi kukuh dan lebih berani untuk menghadapi sebarang kemungkinan serta masalah yang timbul dapat di atasi. Kata muafakat diambil melalui mesyuarah. Mesyuarah juga perlu mengadili orang yang bersalah.

Sekiranya menghadapi masalah, maka jalan penyelesaiannya mesti dicari. Walau rumit sekalipun masalah tersebut, seseorang itu harus bersabar :

Tidak ada keruh yang tak dijernihkan
 Tidak ada kusut yang tak diselesaikan
 Kusut benang cari hujung dan pangkalnya
 Sesat di hujung jalan
 Balik ke pangkal jalan

¹Gopong ialah bekas air yang dibuat dari buluh.

Allah s.w.t. telah berpesan kepada rasulNya supaya mencintai pemesyuaratan termasuk terhadap orang yang bertindak salah sekalipun.¹ Nabi s.a.w. juga diperintah oleh Allah supaya mengadakan mesyuarah dalam urusan yang melibatkan kepentingan umum. Firman Allah :

فِيمَا رَحْمَةً مِنَ اللَّهِ لَنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًا
غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ . فَاعْفُ عَنْهُمْ
وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ . فَإِذَا عَزَمْتَ
فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ . إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ .²

Maksudnya :

"Maka disebabkan rahmat dari Allahlah kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri darimu. Kerana itu maafkanlah mereka, dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal".

Ayat di atas seolah-olah menyokong apa yang telah diterangkan di dalam perbilangan adat yang telah dinyatakan. Di dalam ayat di atas, Allah telah memerintahkan supaya bermesyuarah apabila menghadapi masalah terutamanya dalam mentadbir urusan keduniaan. Rasulullah s.a.w. telah bermesyuarah dengan sahabat-sahabat lebih lagi ketika menyusun strategi perang.³ Diingatkan

¹H. Bey Ariffin H. Abdullah Said, Rahsia Ketahanan Mental Dan Bina Mental Dalam Islam, (Surabaya : Penerbit 'Al-Ikhlās', 1980), hlm. 159.

²Al-Qur'an, Surah Ali 'Imran, 3 : 159.

³Imām Abī Al-Fidā' Ismaīl Ibnu Kathīr, Tafsir Ibnu Kathīr, 4 juzuk (Beirut : Darul Fikri, 1986), juzu' 1, hlm. 421.

juga jangan bertindak kasar, hendaklah bersabar dan atasilah dengan penuh kebijaksanaan. Apabila telah ada kata sepakat, laksanakanlah dengan segera dan bertawakkal kepada Allah.

Sifat bertanggung jawab turut ditekankan dalam falsafah adat. Setiap individu mesti mengambil berat terhadap ahli sukunya, jiran tetangga, negara serta harta benda.

Seperti yang telah dinyatakan dalam bab pertama, hubungan antara anggota suku amat akrab ibarat saudara kandung. Setiap anggota dalam suku bertanggung jawab ke atas yang lain serta keahlian mereka tidak boleh diabaikan : Kata pepatah :

Sejak berduku berkelapa
Pandan nan tak panjang lagi
Sejak bersuku berkepala
Badan tak senang lagi.

Mereka harus menyumbangkan buah fikiran atau tenaga untuk memperbaiki segala kekurangan yang wujud dalam keluarga suku, sesuai dengan kata adat :

Cari kata muafakat
Menokok mana yang kurang¹
Mengulas mana yang senteng¹
Menghubung mana yang pendek.

Walaupun sistem Adat Perpatih mementingkan hidup bersuku namun hubungan dengan jiran tetangga turut sama diambil berat. Dalam perbilangan adat dinyatakan :

¹Senteng bermakna singkat atau pendek.

Duduk berpelajaran
 Dekat rumah dekat kampung
 Boleh pinta meminta
 Sakit pening jengok menjengok.

Jiran adalah orang yang tinggal berdekatan ataupun yang tinggal sekampung. Apabila mereka ditimpa kesusahan, sakit pening atau kematian hendaklah diziarahi. Sekiranya memerlukan pertolongan, maka bantuan hendaklah dihulurkan mengikut kemampuan.

Setiap individu juga bertanggung jawab memberi nasihat dan menegur di antara satu sama lain. Ini adalah kewajipan moral ke atas individu.¹

Mengheret membentang
 Menunjuk mengajari
 Menegur menyapa.

Nasihat yang diberi harus diterima walaupun daripada orang yang lebih muda usianya - 'Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa'.²

Sekiranya mereka berhutang, hendaklah segera dibayar hutang tersebut sekalipun secara beransur-ansur demi mengekalkan keharmonian yang sedia ada :

Petua berhutang setempat
 Tuah berhutang beransur
 Celaka berhutang tak membayar.

¹Nordin Selat, Sistem Sosial Dalam Adat Perpatih, hlm. 11.

²Ibrahim Atin, Perbilangan Adat, hlm. 27.

Satu lagi pepatah yang menyeluruh maksudnya termasuk mereka yang berhutang ialah mengenai mematuhi janji. Cuba perhatikan pepatah ini :

Janji dibuat dimuliakan
 Dalam janji digaduhkan¹
 Sampai janji ditepati.

Kalau setiap orang mematuhi petua ini nescaya tiada pertengkaran pergaduhan sesama sendiri kerana hutang.

Setelah tanggung jawab terhadap kaum kerabat dan jiran tetangga dilaksanakan, Adat Perpatih memerintahkan anggotanya supaya sama-sama mempertahankan tanah air dan bangsa daripada ancaman musuh yang boleh menggugat kestabilan negara serta memecahkan perpaduan bangsa. Sesuai dengan kata pepatah :

Tegak bersaudara, saudara pertahankan
 Tegak berkampung, kampung dipertahankan
 Tegak bernegeri, negeri dipertahankan
 Tegak berbangsa, bangsa dipertahankan.

Tegasnya, dasar hidup mereka cukup patriotik.²

Setiap anggota adat juga dituntut jangan sesekali mengabaikan tanggung jawab mencari harta kerana harta adalah lambang maruah dan harga diri. Mereka diingatkan supaya sentiasa berusaha bersungguh-sungguh mencari harta, jangan malas atau cepat putus asa. Tuntutan ini dapat difahami dari kata pepatah :

¹Maksudnya sentiasa diingatkan.

²Lihat Dasar-dasar Adat Perpatih, Mingguan Malaysia, April, 1965.

Berakit-rakit dahulu
 Bersenang-senang kemudian,
 Bersakit-sakit dahulu
 Bersenang-senang kemudian.

Kalau tak dipecahkan ruyung
 Manakan dapat sagunya.

Bagi harta dan pusaka yang sedia ada hendaklah dijaga dan diusahakan dengan sebaik mungkin. Untuk itu ia mesti bersifat berjimat cermat dan berhati-hati ketika berbelanja agar tidak membazir :

Hari panas kok² tak berlindung
 Hari hujan kok tak bertudung
 Hari kelam kok tak bersuluh
 Jalan lenggang kok tak berkawan.

Duduk meraut ranjau
 Tegak menuju jauh
 Jimat pangkal kaya
 Berkira sebelum habis.

Tanggung jawab-tanggung jawab yang telah diterangkan di atas tadi, sememangnya dituntut dalam syariat Islam. Jika kita lihat kepada keutamaan kaum kerabat, Allah telah meletakkan haknya selepas hak kepada Allah dan RasulNya dilaksanakan sehingga ia dikaitkan dengan keimanan seseorang. Sabda Rasulullah :

ومن كان يؤمن بالله واليوم الآخر فليصل رحمه .

Maksudnya :

"Barang siapa yang beriman dengan Allah dan RasulNya hendaklah ia 'hubungi rahimnya'. (Ia

¹A. Samad Idris, Adat Perpatih, siri 14.

²'Kok' ertinya 'kalau'.

ikatkan tali kasih sayang di antaranya dengan kaum kerabatnya)".

Firman Allah :

واعبدوا الله ولا تشركوا به شيئاً وبالوالدين
احساناً وبذي القربى واليتامى والمساكين
والجار ذى القربى والجار الجنب.¹

Maksudnya :

"Sembahlah Allah, jangan kamu mempersekutukanNya dengan sesuatu, Dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat dan tetangga yang jauh ..."

Dalam ayat di atas turut dinyatakan agar berbuat baik terhadap jiran tetangga. Hassan bin Tabit, seorang penyair di zaman Rasulullah berkata :²

يواسن مولا هم فى الغنا
ويحمون جارهم ان ظلم.²

Maksudnya :

"Membantu mereka yang susah jika kaya
Melindungi jiran mereka jika dianiaya".

Sesungguhnya setiap orang Islam itu adalah bersaudara. Mereka bertanggungjawab memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada mereka yang melakukan kesilapan atau melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan etika dan syariat Islam. Berpesanlah dengan kesabaran dan kebenaran bersama iman dan amal saleh.

¹Al-Qur'an, Surah al-Nisā', 4 : 36.

^{2c}Abdullah Nasih ^CUlwan, trj. Syed Ahmad Semait, Pendidikan Anak-anak Dalam Islam, 2 jilid (Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., 1988), jilid 1, hlm. 479.

Firman Allah :

والعصر ان الانسان لفي خسر. الا الذين امنوا وعملوا الصالحات وتواصوا بالحق وتواصوا بالصبر.¹

Maksudnya :

"Demi masa, sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh, nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menetapi kesabaran".

Menyentuh soal hutang dan janji, Allah mewajibkan supaya segera membayar hutang sama ada hutang kepada Allah atau hutang sesama manusia dan apabila berjanji hendaklah segera ditunaikan.

Allah telah berfirman :

واوفوا بعهد الله اذا عهدتم ولا تنقضوا الايمان بعد توكيده.²

Maksudnya :

"Dan tepatilah perjanjian dengan Allah apabila kamu berjanji dan janganlah kamu membatalkan sumpah-sumpahmu itu sesudah kamu menegahkannya".²

Dinyatakan juga tugas seorang muslim bukan hanya beribadat di masjid atau di surau-surau sahaja tanpa mencari harta untuk keperluan hidup seharian. Tetap dasar Islam sebenarnya menggalakkan umatnya supaya bekerja bersungguh-sungguh untuk mencari rezeki bagi membiayai nafkah hidupnya dan keluarganya. Di dalam Al-Qur'an Allah

¹ Al-Qur'an, surah al-Asri, 103 : 1-3.

² Al-Qur'an, surah An-Nahl, 16 : 91.

menegaskan :

وقل اعملوا فسيرى الله عملكم ورسوله والمؤمنون¹.

Maksudnya :

"Dan katakanlah : Bekerjalah kamu, maka Allah dan RasulNya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu".

Rezeki dan harta yang diperolehi itu perlu dibelanjakan dengan berhati-hati. Di dalam Al-Qur'an orang mukmin digambarkan sebagai orang yang tidak boros apabila berbelanja dan tidak pula kedekut tetapi kesederhanaan antara keduanya.²

Dasar patriotik yang wujud dalam masyarakat adat telah disokong oleh syariat yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Islam menjadikan tanggungjawab terhadap agama dan negara adalah terpikul di atas setiap bahu individu muslim. Tanggungjawab mesti dilaksanakan dengan ikhlas dan kerana Allah semata-mata. Orang terkorban kerananya dianggap syahid.³ Firman Allah :

ان الله اشترى من المؤمنين انفسهم واموالهم
بأن لهم الجنة يقاتلون في سبيل الله فيقتلون
ويقتلون⁴.

Maksudnya :

"Sesungguhnya Allah membeli dari orang-orang mukmin, diri dan harta mereka dengan memberi syurga untuk mereka. Mereka berperang pada jalan

¹Al-Qur'an, Surah al-Taubah, 9 : 105.

²Lihat Maksud Al-Qur'an, Surah al-Furqān, 25 : 67.

³Maksud syahid di sini, jenazahnya tidak boleh dimandikan dan disembahyangkan, bahkan wajib ditanam dengan pakaian ketika ia mati.

⁴Al-Qur'an, Surah al-Taubah, 9 : 111.

Allah, lalu mereka membunuh atau terbunuh ...".

Orang Islam yang terkorban kerana mempertahankan hartanya juga akan diberi oleh Allah pahala mati syahid.¹ Sabda Rasulullah s.a.w. :

من قتل دون ماله فهو شهيد .²

Maksudnya :

"Sesiapa yang terbunuh kerana mempertahankan hartanya, maka matinya samalah dengan mati syahid".

Kesimpulannya, perbilangan-perbilangan adat yang terkandung dalam sistem nilai dan falsafah adat menjadi bertambah teguh dan bermakna dengan adanya sokongan daripada dalil naqli yang telah dinyatakan.

2.3. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Kekeluargaan dan Kemasyarakatan

Setelah penulis membicarakan dengan panjang lebar berhubung sistem kekeluargaan dan kemasyarakatan yang wujud dalam Adat perpatih, maka di sini penulis akan menganalisa nilai-nilai etika yang terdapat dalam sistem tersebut. Jelasnya, masyarakat Adat Perpatih berdasarkan kepada prinsip hidup bersama dan nilai hidupnya ialah muafakat. 'Bersama' dan 'muafakat' membawa makna yang

¹Maksud syahid di sini ialah syahid akhirat. Orang yang mati itu jenazahnya wajib dimandikan, dikafankan dan disemayamkan.

²Abi ^CIsa Muhammad b. ^CIsa, al-Jami^C al-Sahih Wa Huwa Sunan al-Tirmidhi, juz. 4, hlm. 28.

berbagai-bagai di antaranya bersatu padu, persefahaman, hormat menghormati, samarata dan tolong menolong.

Adat Perpatih tidak menggalakkan masyarakatnya hidup berpecah belah dan sentiasa bertelingkah - "Tuah hidup pada seia sekata dan celaknya pada silang sengketa".¹ Mereka dituntut supaya hidup bersatupadu. Menurut Tuan Haji Md. Sharif Fakeh Hasan, perpaduan adalah asas kebahagiaan masyarakat.² Tanpa adanya perpaduan dan persefahaman dalam masyarakat, tanda masyarakat itu akan mengalami keruntuhan. Masyarakat lama telah meninggalkan seuntai gurindam tentang perlunya perpaduan itu.

Seikat bak sirih
 Serumpun bak serai
 Serangkap bak lembing
 Seciap bak ayam
 Sedencing bak besi
 Malu tidak boleh diageh
 Suku tak boleh dianjak
 Melompat sama patah
 Menyerudup sama bongkok
 Fahamannya hendaklah sesuai
 Rundingannya tidak selisih
 Jalan sedudun³
 Selenggang seayun.

Gurindam ini jelas sekali menggambarkan keutuhan semangat bersatu padu di kalangan masyarakat. Dikukuhkan lagi dengan semangat persefahaman di antara anggota masyarakat - fahaman seiya sekata dan rundingannya tidak bercanggah. Perbilangan adat

¹ Md. Sharif Fakeh Hassan, "Keberkesanan Adat Perpatih Di Dalam Pembentukan Sebuah Masyarakat Yang Dinamis", hlm. 5.

² Ibid.

³ Jalan Sedundun ertinya jalan bersama-sama.

berkata :

Bulat air kerana pembentung
 Bulat manusia kerana muafakat
 Bulat segolek pipih selayang
 Rundingan jangan selisih
 Muafakat jangan bercanggah
 Tuah pada sekata
 Berani pada seiya.

Untuk mencapai perpaduan dan persefahaman yang tersirat dalam kata-kata perbilangan di atas, semangat kasih sayang, hormat menghormati di kalangan individu masyarakat hendaklah dipupuk. Manakala segala unsur-unsur yang membawa perpecahan hendaklah dihindarkan.

Kepada setiap anggota adat, sifat hormat menghormati di antara satu sama lain sememang ditekankan. Setiap individu ada harga diri walau bagaimana daif dan cacat sekalipun, kehidupan mereka tidak disia-siakan :

Yang cerdik teman berunding
 Yang bodoh disuruh arah
 Yang buta menghembus lesung
 Yang patah menunggu jemuran
 Yang lumpuh menghuni rumah
 Yang pekak mencucuh meriam
 Yang kuat membawa beban
 Yang rajin minta kerjanya
 Yang berani dijadikan kepala lawan

Kalau kaya hendakkan emasnya
 Kalay alim minta doanya.

Oleh itu, tidak seorang pun yang dihina atau disingkirkan, tiap-tiap individu dihormati sebagai individu dengan sifat keindividuannya dan diberi peranan sesuai dengan kebolehannya. Lagipun setiap anggota masyarakat itu dipandang sama rata, tiada yang lebih dan tiada yang kurang. Tidak boleh berlagak sombong dan

angkuh dengan kelebihan yang ada, tetapi hendaklah bersifat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi. Sebaliknya bagi mereka yang ada kelebihan sama ada dari segi harta (kaya) dan berilmu (^Calim) diminta menyumbangkan kepada anggota yang kekurangan dan memerlukan. Apabila melakukan sesuatu pekerjaan hendaklah bersesuaian menurut kelayakannya. Jangan sesekali melakukan penindasan terutama terhadap kaum yang lemah. Hal ini ditegaskan oleh perbilangan :

Yang kecil dikasihi
 Yang besar dimuliakan
 Sama besar lawan mesyuarat
 Pandai jangan menjual orang
 Bodoh jangan terjual
 Lemah jangan terlenda
 Kuat jangan melanda.

Jika kita imbas kembali kepada adat berkampung, khasnya cara persiapan untuk mengadakan majlis perkahwinan, di sini dapat kita lihat nilai-nilai perpaduan, persefahaman dan hormat-menghormati direalisasikan. Kita dapati mereka sama-sama membantu keluarga pengantin untuk menjayakan majlis ini tanpa mengira penat dan lelah.

Bergotong royong membuat 'pepaleh' dan khemah, mencari kayu api atau membuat kerja yang berat-berat bagi kaum lelaki. Kaum wanitanya pula menjemur padi dan menumbuknya, menyediakan segala jenis alat-alat memasak seperti meminjamkan pinggan mangkuk, periuk belangga daripada jiran-jiran yang berdekatan. Di samping itu, yang banyak padi menghulurkan beras, yang ada kelapa membawa kelapa dan seumpamanya. Dengan ini secara tidak langsung meringankan perbelanjaan keluarga pengantin. Sifat tolong menolong ini tersirat dalam kata perbilangan :

Berat sama dipikul
 Ringan sama dijinjing
 Yang tidak ada sama dicari
 Sama sakit sama senang
 Ke bukit sama mendaki
 Ke lurah sama dituruni
 Sama menghayun sama melangkah
 Jika khabar baik diberitahu
 Jika khabar buruk sama didatangi
 Jika jauh ingat mengingati.

Budaya gotong royong ini bukan setakat kenduri kahwin tetapi meliputi kerja-kerja masyarakat seperti hidup mati, kerja-kerja sara hidup seperti institusi tolong-menolong, menyeraya dan pedua yang telah penulis huraikan dalam fasal sistem ekonomi Adat Perpatih. Dapat difahami juga di dalam perbilangan di atas bahawa masyarakat adat mahukan anggotanya hidup 'senang sama senang dan susah sama susah'.

Dalam adat berkampung ini, kita lihat sistem hidup bersuku tidaklah sehingga memulaukan jiran tetangga. Jiran walaupun berlainan suku tetap dianggap anggota terpenting di dalam menjayakan majlis tersebut. Dr. Nordin Selat berkata bahawa jiran itu adalah keluarga, keluarga itu adalah jiran.¹ Atas keadaan ini tidak hairanlah jika :

Sehalaman sepermandian
 Seperigi sepermandian
 Sejamban setepian.

Halaman, perigi dan jamban merupakan faktor-faktor intergrasi. Sebagai contoh perigi - masyarakat Adat Perpatih

¹Nordin Selat, Sistem Sosial Dalam Adat Perpatih, hlm. 30.

bersawah, selepas habis bersawah mereka akan mandi di perigi bersama-sama sambil menggosok kain basahan ataupun mereka terpaksa mandi bergilir-gilir. Oleh itu, sambil menunggu mereka akan berbual dan bercerita. Selain di perigi mereka akan bertemu di surau, masjid, majlis perkahwinan, kematian dan sakit pening. Pendeknya, pertemuan, kerjasama, suka duka adalah menefestasi hidup bersama seperti yang telah digambarkan dalam kata gurindam ini :

Kok sakit tinjau meninjau
Kok mati jengok menjengok
Yang mati di kerajangi
Yang hidup dipelihara.

Apabila kita mengaitkan pula dengan etika Islam, nilai-nilai yang diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih sememangnya ditekankan dalam syariat Islam. Firman Allah :

واعتصموا بحبل الله جميعا ولا تفرقوا
واذكروا نعمت الله عليكم اذ كنتم اعداء
فا"لف بين قلوبكم فاصبحتم بنعمته اخوانا .¹

Maksudnya :

"Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah bercerai-berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa jahiliah) bermusuh-musuhan, maka Allah menjinakkan antara hatimu, lalu jadilah kamu kerana nikmat Allah itu, orang-orang yang bersaudara".

Ayat di atas menjelaskan supaya umat Islam mengekalkan nilai-nilai hidup murni yang sedia wujud dalam pendidikan akhlak muslim. Mereka dilarang hidup bermusuhan. Sebaliknya, umat Islam

¹Al-Qur'an, Surah Āli 'Imran, 3 : 103.

itu sentiasa ditekan dengan konsep ukhuwah dan silatur rahim. Nabi s.a.w. menerangkan bahawa Allah dalam hadis qudsi berfirman :

الرحم شجرة فمن وصلها وصلته ومن
قطعها قطعته .¹

Maksudnya :

"Rahim itu kayu yang rimbun, maka barangsiapa menghubunginya, akupun mengadakan perhubungan dengan yang menghubunginya itu. Tetapi sebaliknya barang siapa memutuskannya, Akupun memutuskan perhubungan dengan yang memutuskan rahim itu".

Ukhuwah dalam Islam diikatkan oleh iman dan takwa.² Perasaan ukhuwah yang benar ini akan menelurkan ke dalam jiwa seseorang muslim sebenar-benar semangat belas-kasihan yang tinggi nilainya. Imam Muslim dan Imam Ahmad telah meriwayatkan sebuah hadis :

مثل المؤمنين في توادهم وتراحمهم وتعاطفهم
مثل الجسد إذا اشتكى منه عضو تداعى له
سائر الجسد بالسهر والحمي .³

Maksudnya :

"Umpama orang-orang yang beriman itu dalam kasih-sayang, belas-kasihan serta rahmat-merahmati mereka, umpama tubuh, yang jika salah satu anggotanya mengadu sakit, akan menurut semua tubuh badan dengan berjaga malam dan menanggung demam".

¹al-Imam Muslim b. al-Hajjāj, Sahīh Muslim 5 jilid, (Beirut : Dar al-Fikri, 1978M - 1398H), jil. 9, hlm. 73.

²Abdullah Nasih ^cUlwan, trj. Syed Ahmad Semait, Pendidikan Anak-anak Dalam Islam, 2 jilid (Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., 1990-1410H), jil. 1, hlm. 427.

³Muslim b. al-Hajjāj, Sahīh Muslim, jil. 4, hlm. 200.

Masyarakat Islam juga ibarat satu bangunan yang tersusun. Oleh itu setiap anggota masyarakat perlu kepada keselamatan itu dengan menyeru kepada kebajikan dan melarang daripada kemungkaran.

Rasulullah s.a.w. dalam risalahnya, sentiasa menyeru umatnya hidup hormat-menghormati sesama manusia tanpa mengira agama dan warna kulit. Allah sendiri telah menjelaskan hikmat dijadikan pelbagai bangsa dan suku :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ
وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا .

Maksudnya :

"Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenali".

Baginda juga telah menyatakan dengan jelas berhubung dengan tanggungjawab-tanggungjawab yang wajib dilakukan oleh seseorang muslim terhadap seorang muslim yang lain melalui sabdanya :

حَقُّ الْمُسْلِمِ عَلَى سِتِّ قَبِيلٍ مَا هُنَّ بِهَا رَسُولُ اللَّهِ
قَالَ إِذَا لَقِيتَهُ فَسَلِّمْ عَلَيْهِ وَإِذَا دَعَاكَ فَاجِبْهُ
وَإِذَا اسْتَنْصَحَكَ فَانصَحْ لَهُ وَإِذَا عَطَسَ فَحَمْدُ اللَّهِ
فَسَمِّهِ وَإِذَا مَرَضَ فَعِدهُ وَإِذَا مَاتَ فَاتَّبِعْهُ .

¹ Al-Qur'an, Surah al-Hujurat, 49 : 13.

² Muslim b. al-Hajjaj, Sahih Muslim, jil. 4, hlm. 73.

Maksudnya :

"Hak seseorang muslim terhadap muslim yang lain ada enam perkara iaitu apabila engkau bertemu dengan, maka berilah salam, apabila ia mengundangmu, perkenankanlah undangannya, apabila ia minta nasihat, berilah nasihat. Apabila ia bersin, lalu ia memuji Allah, maka hendaklah engkau mendoakan untuknya, apabila dia sakit, hendaklah engkau ziarahnya dan apabila ia mati hendaklah engkau hantar jenazahnya".

Jika kita tinjau tentang konsep 'suku' dalam Adat Perpatih, ianya bukanlah seperti hidup bersuku di zaman jahiliah di mana konsep kesukuannya dicela oleh Islam kerana ia didasarkan oleh keturunan dan ditanamkan dengan sifat asabiyah dengan mengabaikan nilai-nilai murni sejagat. Islam melarang keras umatnya memandang rendah serta mengabaikan orang lain dengan sebab kekurangan yang ada kerana yang membezakan antara individu itu dengan yang lain adalah sifat takwa : Firman Allah :

ان اكرمكم عند الله اتقاكم¹.

Maksudnya :

"Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang-orang yang bertakwa di antara kamu".

Sifat tolong-menolong dan bekerjasama, sesungguhnya telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. dan sahabat-sahabat baginda ketika kaumnya berhijrah ke Madinah pada tahun ke tiga belas kenabian. Orang-orang Ansar telah membantu meringankan beban dan kesusahan orang-orang Muhajirin dengan mengorbankan harta benda dan jiwa raga. Jadi sifat ini harus diteruskan dan diamalkan demi

¹Al-Qur'an, Surah al-Hujurat, 49 : 13.

menjamin kemaslahatan dan perpaduan ummah. Tuntutan ini dinyatakan oleh Allah melalui firmanNya :

وتعاونوا على البر والتقوى ولا تعاونوا
على الاثم والعدوان¹

Maksudnya :

"Dan bertolong-tolonglah kamu atas perkara kebajikan dan takwa dan janganlah bertolong-tolong dalam perkara dosa dan permusuhan".

Di sini kita pula berhubung dengan kategori-kategori keluarga yang telah dijelaskan iaitu keluarga sedarah senisab, keluarga kedim, keluarga sedarah sebelah bapa dan keluarga semenda. Pembahagian ini menggambarkan keunikan sistem kekeluargaan dalam Adat Perpatih.

Gelaran-gelaran untuk adik beradik seperti along, angah, alang, atih dan seterusnya, gelaran untuk orang semenda seperti Kodo, 'menteri', bilal, memperang dan lain-lain lagi adalah melambang kemesraan serta budi bahasa dalam pergaulan. Akhlak Islam juga mengajar penganutnya supaya menghormati orang yang lebih tua serta melayani seseorang menurut kedudukannya. Imam al-Tirmizi telah meriwayatkan daripada Anas r.a. katanya, telah bersabda Rasulullah s.a.w. :

ما اكرم شاب شيخا سنة الا قبيح الله
له من يكرمه عند سنة²

¹Al-Qur'an, Surah al-Mā'idah, 5 : 2.

²Abi ^CIsa Muhammad b. ^CIsa, al-Jami^C al-Sahīh wa Huwa Sunan al-Tirmidhī, juz. 4, hlm. 372.

Maksudnya :

"Tiada pemuda yang menghormati seseorang yang tua usianya, melainkan Allah akan mentakdirkan baginya orang lain untuk menghormatinya kelak, apabila ia mencapai usia tua".

Dalam riwayat lain pula, Rasulullah telah bersabda :

ليس من أمتي لم يحل كبيرنا .¹

Maksudnya :

"Bukankah dari kalangan ummatku mereka tidak menghormati golongan yang tua"

Penghormatan yang perlu diberikan kepada orang semenda sebagai 'tetamu' yang datang bermastautin di kawasan isterinya disebut oleh Maruhun Batuah seperti berikut :

".... Menantu itu dipandang sebagai seorang kamu yang akrab dan dia tidak boleh dipermudahkan begitu sahaja. Orang yang tidak menghormati tamu dipandang tidak sopan. Jika sekiranya menantu itu membuat salah satu kesalahan di rumah isterinya, maka bukanlah menantu itu dipersalahkan melainkan anak kita dengan perkataan adatnya - pukul anak sindir menantu".

Di samping itu juga, Rasulullah mewajib menghormati 'tetamu' sekiranya ia benar-benar seorang mukmin :

ومن كان يورء من بالله واليوم الآخر فليكرم ضيفه .²

Maksudnya :

"Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat hendak ia menghormati tetamunya".

¹ Muslim b. Hajjaj, Sahih Muslim, jil. 1, hlm. 176.

² al-Hafiz ^CAbdullah Muhammad b. Yazid al-Qazwini Sunan Ibnu Majah, 2 juzuk (t.tp : ^CIsa al-Babi al-Halabi wa Syarkahu, t.t.), juz. 2, hlm. 1211.

Di dalam adat istiadat yang berhubung dengan perkahwinan iaitu adat merisik, meminang dan menyembah, walaupun ia sekadar satu 'adat' bukannya hukum, tetapi di dalamnya tersirat beberapa kebaikan dan nilai-nilai kesopanan.

Adat merisik berlaku kepada pihak lelaki di mana kedua ibu bapanya akan memerhatikan anak gadis yang sesuai menjadi menantu. Keutamaan akan diberi kepada gadis-gadis yang berbudi bahasa dan baik keturunannya. Bagi keluarga si gadis, mereka sentiasa 'menantikan' agar anak mereka 'disunting' oleh 'kumbang' yang berpegang teguh kepada agama. Kata pepatah - 'untung si laki-laki ditanya-tanyakan, untung si perempuan dinanti-nantikan'.

Setelah ada persetujuan antara dua pihak, menyusul pula adat meminang. Di dalam majlis pertunangan ini, si gadis dan si teruna diikatkan dengan cincin pertunangan dan menandakan bahawa gadis itu telah mempunyai. Kata perbilangan adat :

Cincin sebertuk menanya ibubapa
Cincin dua bentuk oso¹ sekata
Oso sekata berlaluan
Tak oso sekata cincin dikembalikan
Oso sekata janji diikat
Janji dibuat dimuliakan
Dalam janji digaduhkan
Sampai janji ditepati
Helah si laki-laki loncor
Helah si perempuan ganda
Cacat cela dikembalikan
Sawan gila luar janji.

(Maksudnya telah dijelaskan dalam hlm. 30 dan 31).

Dalam Fiqh Islam juga telah menghuraikan persoalan ini.

¹Oso ertinya sependapat atau dipersetujui.

Islam mengingatkan bahawa perkahwinan bukan untuk kepentingan duniawi semata-mata, malah ia adalah sebagai tapak pembentuk sebuah masyarakat yang berakhlak dan beriman kepada Allah dan RasulNya. Justeru itu, dalam memilih isteri Rasulullah s.a.w. menyuruh memerhatikan sifat-sifatnya secara fitrah disenangi oleh manusia. Rasulullah s.a.w. bersabda :

تَنكِحُ الْمَرَأَةَ لِأَرْبَعٍ لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا
وَلِجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا فَاظْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ
يَرِيتُ بِذَلِكَ ¹.

Maksudnya :

"Perempuan itu dikahwini kerana empat perkara, kerana kecantikkannya, keturunannya, hartanya dan kerana agamanya. Tetapi pilihlah yang beragama, agar selamat dirimu".

Bagi si gadis pula, Islam menyuruh walinya memilih laki-laki yang berakhlak, mulia dan baik keturunannya.² Imam Ghazali dalam kitabnya, *Ihya' 'Ulūmuddīn* berkata :

"Berhati-hati menjaga hak anak perempuan itu lebih penting, kerana ia dia adalah menjadi budak dengan dikahwinkan, yang tidak ada yang akan melepaskannya. Dan si suami itu berkuasa menceraikannya pada setiap keadaan".³

Bila wali mengahwinkan anak perempuan dengan lelaki yang zalim atau fasiq bererti ia telah berbuat durhaka kepada agamanya dan rela menerima kutukan daripada Allah, kerana ia telah memutuskan tali

¹ al-Imam Muhammad b. Ismail Sahīh al-Bukhārī, 8 jilid (Beirut : Darul Fikri, 1981M - 1401H), juz. 8, hlm. 123.

² Sayid Sabiq, Drs. Moh Thalib, Fikih Sunnah, 14 jilid (Bandung; P.T. al-Ma'rif, 1982), jilid 6, hlm. 29.

³ Imam Ghazali, terj. Prof. Tk. H. Ismail Yakub Sh; Ma, Ihya Ulumuddin, 8 jilid (K. Lumpur : Victory Agensi, 1977), hlm. 409.

kekeluargaan dengan memilihkan suami yang jahat untuk anaknya.

Seorang lelaki pernah bertanya kepada Hasan bin Ali :

"Saya punya seorang puteri. Siapakah kiranya yang patut jadi suaminya menurut anda? Jawabnya : Seorang laki-laki yang takwa kepada Allah. Sebab jika ia senang, ia kan sudi menghormatinya dan jika ia sedang marah, ia tak suka berbuat zalim kepadanya".¹

Adapun meminang dalam Islam bermaksud seorang laki-laki meminta kepada perempuan untuk menjadi isterinya, dengan cara-cara yang sudah umum berlaku di tengah-tengah masyarakat.² Meminang merupakan langkah pendahuluan sebelum seseorang itu masuk ke dalam ambang perkahwinan kerana Islam menggariskan agar pasangan yang hendak berkahwin, Islam menggariskan terlebih dahulu saling kenal mengenali agar perkahwinan itu nanti benar-benar berdasarkan pandangan dan penilaian yang jelas. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda kepada seorang lelaki yang telah meminang wanita Ansar :

فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
انْظُرْتُ إِلَيْهَا قَالَ : لَا قَالَ : فَادْهَبْ فَاَنْظُرْ
إِلَيْهَا فَإِنْ فِي أَنْصَارٍ شَيْءٌ .³

¹Sayid Sabiq, Fikih Sunnah, jil. 5, hlm. 30.

²Ibid., hlm. 31.

³Muslim b. al-Hajjāj, Sahīh Muslim, jil. 2, hlm. 1040.

Maksudnya :

"Rasulullah s.a.w. bertanya : Adakah kamu telah pergi melihat dia? Jawab lelaki itu : belum. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda : Pergilah dan lihat dia kerana pada mata orang Ansar ada cacatnya".

Demi mengelakkan perpecahan dalam masyarakat dan Islam melarang meminang perempuan yang sudah dipinang. Dari riwayat al-Bukhari, beliau telah menyatakan kepada sabda Rasulullah s.a.w. :

نهى النبي صلى الله عليه وسلم ان يبيع
بعضكم على بيع بعض ولا يخطب الرجل على
حظية اخيه حتى يترأى الخاطب قبله او
بأذن له الخاطب.¹

Maksudnya :

"Sesungguhnya Nabi s.a.w. telah melarang memberi barangan yang telah dibeli oleh sebahagian daripada kamu ke atas sebahagian yang lain dan meminang pinangan saudaranya. Sebelum ia ditinggalkan atau diizinkan kepadanya untuk meminangnya".

Berhubung dengan hadis di atas, Imam al-Bukhari telah meriwayatkan tentang hadis tersebut iaitu bila mana perempuan yang dipinang sudah rela dan reda, maka tidak seorang pun boleh meminangnya lagi, tetapi jika belum tahu keredaannya, maka tidaklah berdosa meminangnya.

Oleh kerana ikatan pertunangan merupakan langkah pendahuluan sebelum diakad nikah, maka terkadang berlaku pembatalan ikatan tersebut sama ada ia dilakukan oleh pihak lelaki atau perempuan atau kedua-duanya sekali. Apakah hal ini dibolehkan? Adakah segala

¹Muhammad b. Isma'il, Sahih al-Bukhari, juz. 6, hlm. 136.

yang telah diberikan dalam pertunangan perlu dikembalikan? Dalam masalah ini terdapat perselisihan antara ulamak-ulamak ahli Fiqh :¹

[a] Mazhab Hanafi berpendapat bahawa segala hadiah yang diberi oleh pihak lelaki kepada tunangnya berhak diminta kembali sekiranya ia masih utuh (baik). Jika tidak utuh lagi, ia tidak berhak minta kembali barang-barang tersebut atau diminta ganti.

[b] Mazhab Maliki pula berpendapat, jika yang membatalkan itu pihak lelaki, ia tidak berhak meminta barang-barang yang dihadiahkan. Tetapi jika yang membatalkan itu pihak perempuan, maka pihak lelaki berhak meminta kembali semua barang-barang yang dihadiahkan sama ada barang itu masih baik atau sudah rosak, jika rosak harus diganti. Terkecuali kalau sebelumnya ada perjanjian, atau menurut ^Curf yang berlaku dalam masyarakatnya.

Pada pendapat penulis, pegangan Imam Malik ini hampir sama dengan maksud kata perbilangan - 'Helah lelaki loncor, helah perempuan ganda'.

[c] Mazhab Syafi^Ce berpendapat, jika perempuan yang membatalkan pertunangan itu, barang-barang hadiah daripada pihak lelaki hendaklah dikembalikan sama ada masih baik atau sudah rosak, tetapi jika sudah rosak diganti dengan harganya.

Menurut Sayid Sabiq pula, mahar (biasanya cincin) yang diberikan di dalam majlis pertunangan berhak diminta kembali, bilamana akad nikahnya tidak jadi kerana mahar yang diberikan

¹ Sayid Sabiq, Fikh Sunnah, jil.6, hlm. 42.

sebagai ganti dan imbalan perkahwinan. Selama perkahwinan itu belum terlaksana, maka pihak perempuan belum mempunyai hak sedikit pun terhadapnya dan wajib dikembalikan kepada pemiliknya. Adapun pemberian-pemberian dan hadiah-hadiah yang diberikannya hukumnya sama dengan hibah. Secara hukum, hibah itu tidak boleh diminta kembali, kerana ia merupakan suatu derma sukarela dan tidak bersifat sebagai penggantian sesuatu.¹

Dalam adat istiadat menyembah pula, terkandung di dalamnya nilai etika yang murni. Encik Syarif Fakeh berkata tujuannya adalah untuk memperkenalkan 'orang semenda' kepada kaum kerabatnya, saudara mara dan ipar lamainya. Kesannya, lahir kemesraan antara 'orang semenda' dengan keluarga isterinya dan bertambah kukuhlah ikatan silaturahim mereka. 'Boko' yang dibawa ketika 'menyembah' merupakan satu penghormatan dan budi bahasa 'seorang anak' atau 'orang baru' kepada mertua atau ipar lamainya.

Oleh yang demikian, di dalam sistem kekeluargaan dan kemasyarakatan Adat Perpatih terdapat nilai budaya yang murni yang seharusnya dikekalkan. Tambahan pula, budaya tersebut tidak bercanggah dengan tuntutan syariat Islam, malah bertepatan dengan sunnah yang telah ditinggal oleh junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w.

¹Sayid Sabiq, Fikh Sunnah, jil.6, hlm. 41.

²Temubual dengan En. Syarif Fakeh Hassan, 20 Disember, 1990.

2.4. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Ekonomi

Sistem ekonomi Adat Perpatih yang telah dijelaskan bukanlah satu sistem yang bersistematik sebagaimana yang terdapat di dalam sistem ekonomi Islam ataupun sekular. Cuma yang hendak dinyatakan di sini bahawa pengasas sistem Adat Perpatih turut mendorong pengikut supaya memiliki ekonomi yang teguh demi menjaga maruah diri seseorang. Oleh itu lahirlah pepatah yang mendorong seseorang itu berekonomi serta memelihara prinsip dan nilai etika berekonomi. Kata perbilangan adat :

Maradeso di perut kenyang
Manjilis di tepi air.¹

Pepatah ini memberi maksud, adat hanya boleh berdiri, sekiranya ekonominya baik dan teguh dan adat akan runtuh jika ekonomi teruk.²

Lebih lanjut lagi, sesuatu bangsa memerlukan ekonomi yang kuat untuk dikenali sebagai bangsa yang dihormati :

Hilang rupa dek penyakit
Hilang bangsa dek tak beremas.

Sebagaimana rupa seseorang itu dimusnahkan oleh penyakit, begitulah sesuatu bangsa itu akan musnah kerana kemiskinan.

¹ HAMKA, Islam Dan Minangkabau, (Jakarta : Penerbit Pustaka Panjimas, 1984, hlm. 19.

² Ibid.

Adat juga menyuruh anggotanya supaya rajin bekerja tidak mengenal penat dan lelah serta susah payah dalam mencari rezeki seperti kata pantun :

Kayu hutan bukan andalas
Elok dibuat lemari
Tahan hujan berani berpanas
Begitu orang mencari rezeki.

Konsep rezeki dalam hal ini bukanlah seperti yang dipercayai oleh setengah orang iaitu 'rezeki secupak tak jadi segantang'. Tanpa usaha rezeki tidak boleh datang sendiri. Justeru itu, masyarakat adat dituntut supaya 'memakmurkan ' setiap inci tanah yang ada. Pepatah berkata :

Yang berlumpur ditanami benih
Yang keras dijadikan ladang.

Berdasarkan kepada pentingnya ekonomi itulah, maka orang-orang Minangkabau pergi merantau. 'Merantau' merupakan institusi ekonomi yang terpenting dalam Adat Perpatih. Merantau ialah usaha mencari rezeki dan mereka beranggapan bahawa rezeki ada di mana-mana serta boleh dicari. Oleh itu anak muda meninggalkan kampung halaman dan mengembara jauh daripada keluarga. Merantau mendapat galakkan yang tegas dalam adat :

Ke rantau madang dahulu
Berbunga berbuah belum
Merantau bujang dahulu
Di kampung berguna belum.

'Orang bujang' dianggap masih mentah dan perlukan kepada tunjuk ajar. Jadi, diperantauan nanti mereka akan mencari pengalaman dan mendapatkan pandangan bernas untuk kemajuan keluarga

dan kampung halamannya. Oleh itu pemergian mereka telah merugikan bahkan menguntungkan. Apabila mereka kembali, mereka akan membawa bersama kekayaan di samping pengalaman. Harapan ini tersirat dalam kata pepatah :

Dek tajam buah fikiran
Dek meniru meneladani
Pengalaman hidup yang ditanggung
Menjadi contoh pada yang ada
Alam berkembang jadikan guru.

Kita lihat pula daripada perspektif Islam. Demi menjaga maruah dan kehormatan diri, Islam membenarkan umatnya mempertahankan setiap inci harta jika dirampas atau dicero bohi tanpa hak. Malah barang siapa yang mati untu knya semata-mata kerana Allah s.w.t. akan dianggap mati syahid. Sabda Rasulullah s.a.w. :

ومن دون ماله فهو شهيد¹.

Maksudnya :

"Sesiapa yang mati kerana mempertahankan hartanya, ia mati syahid juga".

Dalam hadis di atas kehormatan atau maruah diri telah digandingkan dengan harta. Maka di sini jelaslah bahawa harta yang menjadi nilai ekonomi itu melambangkan maruah seseorang dan ianya harus dipertahankan jika dirampas.

Islam juga menganggap harta adalah tulang belakang dalam kehidupan manusia yang harus dijaga dan dikelolakan serta dikembangkan dengan cara yang baik. Maka Islam memuji orang kaya

¹Abi ^CIsa Muhammad b. ^CIsa, al-Jami^C al-Sahih Wa Huwa al-Tirmidhi, juz. 4, hlm. 28.

yang bersyukur dengan membelanjakan kekayaannya agar bermanfaat untuk manusia dan mencari keredaanNya. Sebaliknya mencela kekayaan yang digunakan untuk fitnah, membantu kemaksiatan dan kekufuran. Atas dasar ini Allah melarang diserahkan pengurusan harta kepada orang yang belum sempurna akalNya. Allah s.w.t. telah berfirman :

ولا توءتوا السفهأ أموالكم التي

Maksudnya :

جعل الله لكم قايما .¹

"Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalNya, harta (mereka yang ada dalam kekuasaanmu) yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan".

Allah s.w.t. juga memerintahkan hamba-hambaNya supaya sentiasa berusaha mencari rezeki yang halal menurut kemampuan masing-masing walaupun terpaksa berpanas berhujan. Jangan duduk berpeluk tubuh mengharapka 'yang bulat datang menggolek yang pipih datang melayang' kerana rezeki atas harta perlu diusahakan. Firman Allah :

ان الله لا يغير ما بقوم حتى يغيروا

Maksudnya :

ما بأنفسهم .²

"Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan (nasib) mereka sendiri".

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Islam menganjurkan supaya umatnya berusaha dan bekerja. Islam memuji umatnya yang bekerja dan dan melarang mereka menjadi pengemis dan hidup meminta-minta.

¹Al-Qur'an, Surah al-Nisā, 4 : 5.

²Al-Qur'an, Surah Al-Ra^Cdu, 13 : 11.

melarang mereka menjadi pengemis dan hiudp meminta-minta.
Rasulullah s.a.w. telah bersabda :

لَا نَبِيَّ خَذَ أَحَدُكُمْ حَبْلًا فَيُحِطُّ بِهِ
عَلَى ظَهْرِهِ فَيَأْكُلُ أَوْ يَتَصَدَّقُ خَيْرًا لَهُ
مَنْ أَنْ يَأْتِيَ رَجُلًا أَغْنَاهُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ
فَيَسْأَلُهُ أَعْطَاهُ أَوْ مَنَعَهُ ذَلِكَ بَانَ الْيَدِ
الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى .¹

Maksudnya :

"Sekiranya seseorang kamu mencari kayu api lalu diikat dengan tali dan dipikul di atas belakangnya, kemudian makan dengan hasil tersebut atau bersedekah, maka itu adalah lebih baik daripada dia pergi meminta-minta kepada orang kaya sama ada diberi atau tidak. Yang demikian itu, kerana tangan yang memberi itu lebih baik daripada tangan yang menerima".

Saidina Umar r.a. turut mencela orang yang malas dan enggan mencari rezeki, katanya :

"Janganlah ada seorang kamu yang enggan mencari rezeki sedangkan ia berkata, "Ya Allah berilah rezeki kepadaku" Sedangkan ia tahu langit tidak akan menurunkan hujan emas dan perak".²

Institusi 'merantau' yang digalakkan dalam Adat Perpatih tidaklah bercanggah dengan tuntutan Islam, malah Islam menyuruh hambaNya merantau dan berhijrah untuk menggali kekayaan alam kerana seluruh yang ada di dunia ini diciptakan untuk manusia agar dipergunakan dan dimanfaatkan. Tuntutan ini dapat difahami

¹Ahmad b. Hanbal, Musnad al-Imām Ahmad b. Hanbal, juz. 2, hlm. 243.

²Al-Imām As-Syahid Hasan Al-Banna, Sa'adi Sa'ad, Konsep Masyarakat Pembaharuan Islam, (Malaysia : Thinker's Library Sdn. Bhd., 1988), hlm. 401.

daripada Firman Allah :

أَلَمْ تَرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَوَاتِ
وَمَا فِي الْأَرْضِ وَاسْعَ عَلَيْكُمْ نِعْمَهُ ظَاهِرَةً وَبَاطِنَةً .¹

Maksudnya :

"Tidak kamu perhatikan sesungguhnya Allah telah menundukkan untuk kepentingannya apa yang di langit dan di bumi serta menyempurnakan untukmu nikmat-nikmat lahir dan batin".¹

Firman Allah lagi :

اٰهْبِطُوْا مِصْرَآ فَاِنَّ لَكُمْ مَّا سَاْءُ لَكُمْ .²

Maksudnya :

"Pergilah kamu ke suatu kota (Mesir),² pasti kamu akan memperoleh apa yang kamu minta".

Di dalam ayat tersebut, Nabi Musa a.s. menyuruh umatnya supaya pergi ke Mesir untuk memperolehi apa yang mereka mahukan. Al-Imam As-Syahid Hasan Al-Banna menafsirkan kenapa negeri Mesir dipilih, barangkali ia merupakan negara terkaya, dengan kekayaan alam yang bermacam-macam seperti pertanian dan ternakan. Tambahan pula terdapat di sana Sungai Nil yang dikagumi kerana lembahnya sangat subur serta kekayaan lain yang diberikan Allah untuk penduduk Mesir.³

¹Al-Qur'ān, Surah Luqmān, 31 : 20.

²Al-Qur'ān, Surah Al-Baqarah, 2 : 61.

³As-Syahid Hasan Al-Banna, Konsep Masyarakat Pembaharuan Islam, hlm. 396.

Demi kepentingan ilmu pengetahuan, telah terpahat dalam lipatan sejarah ulamak-ulamak silam di mana mereka telah merantau dari satu ke satu negeri untuk mencari ilmu. Contohnya Imam Bukhari Rahimahullah iaitu pengarang kitab Sahih Al-Bukhari. Beliau sering mengembara untuk menuntut ilmu dan sedikit sangat negeri-negeri yang tidak dikunjunginya. Beliau berkata :

"Aku memasuki Syam, Mesir dan Semenanjung Tanah Arab, sebanyak dua kali dan Basrah sebanyak empat kali dan aku tinggal di Hijaz selama enam tahun dan aku tidak ingat berapa kalikah aku memasuki Baghdad bersama-sama dengan ulamak hadis".¹

Kesimpulannya, nilai-nilai etika yang murni dan selari dengan nilai-nilai kemanusiaan harus dijaga ketika meneguhkan ekonomi masing-masing. Nilai berekonomi dalam Adat Perpatih tidak terkeluar daripada prinsip-prinsip yang digariskan oleh Allah s.w.t. kerana yang wajib dipegang oleh setiap individu masyarakat adat dalam mu'amalatnya ialah pandai, jangan menjual orang, bodoh jangan terjual.

2.5. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem politik

Di dalam fasal ini, kita pula berhubung dengan nilai etika dalam sistem pentadbiran. Penulis amat tertarik hati cara-cara pemilihan ketua-ketua adat atau pemimpinnya.

¹ Muhammad Ismail, "Metode al-Bukhari dan Muslim Dalam Menerima dan Menolak Hadith", Kertas Kerja Simposium Pengajian al-Sunnah Peringkat Kebangsaan, (Anjuran : Fakulti Pengajian Islam, UKM, 18-19 April, 1987), hlm. 1.

Cara pemerintahan dalam pentadbiran Adat Perpatih adalah demokrasi.¹ Tan Sri Abd. Samad Idris dalam seminar mengenai adat, telah menegaskan bahawa Adat Perpatih telah mengajar manusia dalam sistem berdemokrasi dan paling ulung di dunia ini.² Pepatah Melayu yang menyebut 'berjenjang naik, bertangga turun', jelas mencerminkan betapa kentalnya sistem demokrasi yang dituntut dalam pentadbiran Adat Perpatih. Amalan demokrasi ini dipraktikkan dalam menyusun pentadbiran negeri seperti perbilangan :

Bulat anak buah menjadi buapak
 Bulat buapak membuat lembaga
 Bulat lembaga menjadi penghulu
 Bulat penghulu menjadi raja.

Maksudnya, buapak dilantik oleh anggota sukunya, lembaga dipilih oleh buapak, undang dilantik oleh Yamtuan dan Yamtuan dilantik dari keluarga diraja.

Seterusnya lagi, kata pepatah :

Berjanjang naik, bertangga turun
 Naik dari bawah turun dari atas
 Alam beraja, luak berpenghulu
 Lembaga bersuku, suky bertua
 Buapak beranak buah.³

¹Dr. Abdullah Sidik, Pengantar Undang-undang Adat Di Malaysia, hlm. 110.

²Tan Sri Dato' Haji Abdul Samad Hj. Idris, "Secebis Mengenai Adat Perpatih : Nilai dan Falsafah".

³Tuan Haji Md. Sharif Fakeh Hassan, "Keberkesanan Adat Perpatih Di Dalam Membentuk Sebuah Masyarakat Yang Dinamis", hlm. 12.

Kedua-dua perbilangan di atas membuktikan muafakat adalah ibu adat. 'Muafakat' samalah maksud dengan 'demokrasi' atau 'syura' dalam politik Islam. Setiap yang hendak dibuat, dirundingkan dan dimuafatkan bersama dan kebulatan kata adalah kata pemutus. Perlaksanaan undang-undang hendaklah mengikut saluran-saluran tertentu serta mengikut undang-undang dan perlembagaan. Keputusan yang dibuat tanpa mengikut saluran itu, dianggap tidak sah.¹

Nilai demokrasi juga mengizinkan kebebasan bercakap, menyuarakan pendapat serta menghormati pandangan dari pihak lain. Setelah berbincang dan bertukar-fikiran dan telah dapat apa yang sebenarnya, hendaklah mengikut 'alur dan patut' seperti kata pepatah :

Ke laut menuju alur
Ke darat menuju benar
Jumpa benar jangan disiahi
Benar berdiri dengan sendiri.

Merujuk kepada sistem pemerintahan Islam, Islam menganggap pemerintahan sebagai salah satu dasar sistem sosial yang dibuat untuk manusia.² Pemerintahannya bukan mengikut hawa nafsu tetapi dibataskan kepada hukum yang telah diturunkan oleh Allah. Allah s.w.t. berfirman :

وَأَنِ احْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ
أَهْوَاءَهُمْ وَاحْذَرْهُمْ أَنْ يَفْتِنُوكَ عَنْ بَعْضِ مَا
أَنزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ .³

¹ Ibid.

² As-Syahid Hasan Al-Banna, Konsep Masyarakat Pembaruan Islam, hlm. 374.

³ Al-Qur'an, Surah al-Māidah, 5 : 49.

Maksudnya :

"Dan hendaklah kamu memutuskan perkara di antara mereka menurut apa yang diturunkan Allah, dan janganlah kamu mengikut hawa nafsu mereka. Dan berhati-hatilah kamu terhadap mereka, supaya mereka tidak memalingkan kamu dari sebahagian apa yang telah diturunkan Allah kepadamu".

Abu A^Cla Al-Maudūdi menjelaskan bahawa politik Islam didasarkan oleh demokrasi di mana ia bermula daripada institusi khalifah. Kekuasaan khalifah itu dianugerahkan kepada seluruh golongan rakyat.¹ Beliau juga telah mensyaratkan bahawa rakyat itu hendaklah bersetuju dengan prinsip-prinsip tauhid (keesaan Tuhan) dan risalah yang bersumberkan kepada Al-Qur'an dan al-Sunnah.²

Tuntutan supaya menjalani pemerintahan atas dasar demokrasi, dapat difahami daripada firman Allah :

3. وشاورهم في الامر .

Maksudnya :

"Dan bermesyuaratlah dengan mereka tentang sesuatu masalah".

FirmanNya lagi :

4. وامرهم شورى بينهم

¹ Abu A^Cla al-Maudūdi Osman Raliby, Pokok Pandangan Hidup Muslim, (Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., 1982), hlm. 40.

² Ibid.

³ Al-Qur'an, Surah Āli ^CImrān, 3 : 159.

⁴ Al-Qur'an, Surah al-Syūrā, 42 : 38.

Maksudnya :

"Semua urusan mereka (diputuskan) dengan musyawarah di antara mereka".

Dalam ayat di atas, Allah menyeru supaya melakukan musyawarah dalam urusan-urusan penting khususnya bagi mereka yang memegang urusan-urusan umum. Jika ada satu masalah, kumpulkanlah ahli-ahli fikir dari kaum muslimin, kemudian adakan musyawarah dan mengambil pendapat yang mengandungi kebaikan, dan keputusannya adalah untuk seluruh umat,. Atas dasar ini juga timbulnya konsep Ijma^C di kalangan fuqaha' Islam.

Menurut ketetapan syara^C, ketua-ketua urusan yang melakukan urusan penting dengan tidak bermusyawarah dengan orang yang berilmu wajib diberhentikan daripada jabatannya.¹ Dasar syura ini telah ditunjukkan oleh Sunnah Rasulullah s.a.w. dan para khulafa' al-Rasyidin. Kata Saidini A?bu Bakar Shiddiq r.a. :

"Jika kamu melihat aku dalam kebenaran, maka bantulah aku, dan jika kamu melihat aku melakukan kebatilan, maka perbaiki dan luruskanlah aku".²

Umar bin Al-Khattab juga telah berkata :

"Sesiapa yang melihat pada aku suatu penyelewengan maka luruskanlah".³

¹Prof. Dr. T.M. Hasbi Ash-Shiddiegy, al-Islam, (Jakarta : Bulan Bintang, 1977), hlm. 606

²As-Syahid Hasan Al-Banna, Konsep Masyarakat Pembaharuan Islam, hlm. 378.

³Ibid.

Tuntutan supaya mentaati keputusan yang diambil melalui syura disebut oleh Imam Mawardi dalam kitab Adābul dun-ya Wat-dīn :

اشترشداوا العاقل ترشداوا ولا تعصوه

• تخدموا • (رواه الماوردي في ادب الدنيا والدين) •

Ertinya :

"Mintalah pertunjuk kepada orang-orang berakal, supaya kamu mendapat pertunjuk. Dan janganlah kamu mendurhakainya. Jika kamu mendurhakainya kamu akan menyesal".

Walau bagaimanapun terdapat perbezaan di antara dasar demokrasi dalam Adat Perpatih dengan dasar demokrasi atau syura dalam Islam. Dasar demokrasi Adat Perpatih didasarkan kepada kedaulatan rakyat, dan pemerintah berusaha memenuhi kehendak rakyat. Sedangkan demokrasi Islam atau syura tegak atas prinsip khalifah rakyat, kedaulatan itu berada di tangan Allah, rakyat hanya wakil (khalifah). Maka rakyat dan pemerintah dikehendaki berusaha bersama memenuhi kehendak dan tujuan Allah.¹

Dalam bidang politik sering kita temui konsep pemimpin dan kepimpinan. Dalam pengertian yang mudah konsep pemimpin merujuk kepada orang lain menuju ke matlamat tertentu dan biasanya ia adalah orang yang berpengaruh ke atas orang lain sama ada dalam fikiran, perkataan atau tindakan. Telah dinyatakan pemimpin dalam masyarakat adat terdiri daripada buapak, lembaga, undang dan raja.

¹ Abu A'la Al-Maudūdi, Pokok Pandangan Hidup Muslim, hlm. 41.

Dalam memilih seorang pemimpin, latar belakangnya perlu diketahui kerana pandangan orang ramai terlalu tinggi pada seorang pemimpin. Meskipun sewaktu Adat Perpatih ini diciptakan, masih ramai yang buta huruf tetapi atas kebijaksanaan Datuk Perpatih dapat menentukan syarat-syarat pemimpin, Dr. Nordin Selat telah menggariskan secara terperinci ciri-ciri ketua adat yang hendak dilantik.¹ Ia adalah seperti berikut :

[a] Syarat syarat Menjadi Pemimpin

1. Mestilah dari kaum lelaki.
2. Mestilah berhak untuk dicalunkan dari segi keturunan.
3. Mestilah beragama Islam.
4. Mestilah sudah baligh dengan ertikata sudah dewasa.
5. Mestilah berakal.
6. Mestilah cerdas (cerdik).

Cerdik yang dikehendaki di sini ialah 'cerdik', tahu, pandai'.²

Jangan amalkan 'cerdik' yang disebutkan dalam pepatah ini :

Cerdik nak menjual kawan
Gendang hendak melanda
Panjang akan melilit
Gemuk membuat lemak
Tukang membuat kayu.

Begitu juga dilarang melantik ketua-ketua yang 'alang-alang cerdik' (kurang cerdik) :

¹Sila rujuk Nordin Selat, "Pemimpin Dalam Adat Perpatih",

²Abdul Samad bin Idris, "Kemurniaan Dalam Adat Perpatih",
hlm. 9.

Alang-alang tukang binasa kayu
 Alang-alang cerdik binasa adat
 Alang-alang alim rosak agama
 Alang-alang faham kacau negeri.

Maksud jika pemimpin yang dilantik itu tidak pintar beliau akan membuat keputusan yang boleh menggugat kestabilan masyarakat dan negerinya.

7. Mestilah sehat.
8. Mestilah dari keturunan yang baik.
9. Mestilah telah dipersetujui untuk memimpin oleh anak buahnya.

Sifat-sifat Pemimpin

1. Kedudukan ekonominya baik.

Konsep yang digunakan ialah 'berkecukupan' iaitu pemimpin itu boleh mengikuti gaya hidup seorang pemimpin dengan menjaga status seperti mengadakan jamuan kenduri kendara dan sebagainya. Ini penting kerana termasuk dalam syarat yang dikatakan "mengisi Adat menuang Lembaga". Pemimpin yang buruk kedudukan ekonominya mungkin akan mewujudkan watak yang lemah dan 'corrupt'.

2. Badan yang sihat.

Pemimpin itu harus sehat kerana kewajipannya memerlukan tenaga. Di samping mengendalikan upacara-upacara adat, beliau perlu mengawasi dan menyelidiki masalah anak buahnya. Oleh itu pemimpin yang merasai darinya sudah uzur, perlu menarik diri supaya tempatnya diambil oleh orang yang lebih muda dan kuat "hidup berkerelaan".

3. Berbudi.

Seorang pemimpin haruslah melambangkan kebaikan tingkahlakunya sama ada segi moral dan 'reputation'nya. Kalau tidak nanti serupalah seperti "ketam mengajar anaknya berjalan lurus". Kata perbilangan :

Kalau keruh air di hulu
Sampai ke muara keruh jua.

Maksudnya, sekiranya pemimpin itu tidak baik tingkah lakunya dan peribadinya, maka rosaklah rakyat di bawah pimpinannya.

Termasuk dalam konsep watak yang baik (berbudi) ialah sifat-sifat :

a. Pemurah

Ini bermaksud seorang pemimpin itu harus 'murah' dengan wangnya, tenaganya, ilmunya dan kebijaksanaannya. Harus sanggup menolong anak buahnya dalam segala lapangan.

b. Sabar

Seorang pemimpin itu harus dapat mengawal kemarahannya walaupun dalam keadaan yang amat sukar. Beliau harus tenang, luas sikap dan memahami, seperti kata perbilangan :

Berlaut lepas
Berpandang luas.

Maksudnya seperti laut yang luas begitu juga pandangannya.

c. Benar

Seseorang pemimpin harus sentiasa bercakap benar, tidak menjadi lidah biawak'. Apa yang dikata 'dikota'. Beliau harus yakin segala apa yang dikatakan, jangan 'lain di mulut lain di hati'.

d. Amanah

Pemimpin itu harus amanah dan jujur dalam fikiran, kata-kata dan perbuatan, di mana beliau seorang yang bertanggungjawab dan tidak menyalahgunakan kepercayaan yang telah diberikan kepadanya.

e. Tabligh

Maksud tabligh di sini ialah menyampaikan ajaran-ajaran adat. Oleh itu ia harus tahu tentang selok belok adat dan interpretasinya supaya beliau dapat menjelaskan kepada anak buahnya serta dapat mengawal mereka daripada melanggar adat akibat dalah faham dan kehairan tentang adat.

Selain daripada itu ada pula pantang larangnya bagi pemimpin atau ketua adat itu supaya ia dihormati oleh anak buahnya, menjaga maruah dan kedudukan sebagai seorang ketua. Pantang larang itu dicatatkan dalam kata perbilangan :

Jangan menghilir melonjak
Mudik mengacau
Mengusik alam nan selesai
Mengeruh air nan jernih
Mengubahi lahir jo batin
Berfaham bak kambing dek ulek
Kiri kanan memecah perang
Mempunyai sifat takbur dalam hati

Menyukai labo jo tamak
 Bersifat dengki jo khiapat
 Mengerja dosa nan besar¹

Jelasnya, seseorang ketua itu adalah dilarang bersikap penghalang kemajuan yang baik, apa lagi membuat kekacauan, adu domba dan pekerjaan yang dilarang oleh agama dan adat seperti perbuatan cabul sumbang salah, kerana ketua bukan sahaja sebagai pemimpin tetapi juga sebagai pendidik dan hakim.² Jika beliau melakukan kesalahan menurut garis-garis di atas, ia akan menerima hukuman :

Diturunkan dari pangkatnya
 Dijatuhkan dari kemuliaannya
 Kok gadisng dipiuh
 Belangnya dikikis.

(Maksudnya telah dijelaskan di hlm. 47).

Diingatkan juga bahawa tidak semua yang dilakukan oleh ketua atau pemimpin itu memenuhi kehendak semua orang. Kadang-kadang pemimpin itu juga menerima umpat-keji dan kritik dari orang ramai. Pemimpin tentulah sedar beliau dilambangkan sebagai :

Ke kanan jalan ke Kurai
 Satu simpang ke Empat Angkat
 Kalau benar penghulu bagaikan lantai
 Kalau berpijak jangan menjungkit
 Teluk biasa timbunan kapal
 Lurah biasa timbunan kabut
 Pemimpin biasa mendapat umpat.³

¹ Abdul Samad bin Idris, Kemurnian Dalam Adat Perpatih, hlm. 10.

² *ibid.*, hlm. 11.

³ Mohd Yusof Md. Nor, "Perlambangan Dalam Perbilangan Adat Perpatih : Satu Pandangan Umum", hlm. 7.

Jika kita perhatikan ciri-ciri pemimpin yang telah diuraikan daripada kacamata Islam, kita dapati ia bertepatan dengan ciri-ciri yang telah dikemukakan oleh ulamak-ulamak Islam. Al-Imām Muhammad b. Al-Hussin dalam kitabnya al Ahkām al-Sultāniah,¹ menjelaskan bahawa imam atau ketua yang hendak dilantik mesti memenuhi empat syarat berikut :

a. Hendaklah dari keturunan Quraisy.

Imam Ahmad telah meriwayatkan :

لا يكون من غير قریش خليفة .

Maksudnya : "Tiadalah khalifah itu melainkan daripada bangsa Quraisy".

b. Memiliki sifat-sifat berikut iaitu merdeka, baligh, berakal, berilmu dan adil.

Firman Allah :

قل هل يستوي الذين يعملون والذين لا يعلمون .²

Maksudnya : "Katakan (wahai Muhammad) ; "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui".²

Firman Allah :

ان الله يامركم ان تؤدوا الامانات الى
اهلها واذا حكمتم بين الناس ان تحكموا
بالعدل .³

¹Al-Qādi Muhammad b. Husin Al-Farrā Al-Hanbali, Al-Ahkām al-Sultāniah, (Mesir : Mustafā al-Bābī al-Halabi wa Aulāduhu, 1966M-1386H), hlm. 20.

²Al-Qur'an, Surah al-Zumar, 39 : 9.

³Al-Qur'an, Surah al-Nisā', 4 : 58.

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil".

- c. Seorang yang tegas dan tetap pendirian dalam menjalankan urusan perang, siasah (politik) dan hukum-hukum hudud tanpa ada sifat (رافة) , serta memelihara kepentingan ummah.

Firman Allah :

انما جزءوا الذين يحاربون الله ورسوله
ويسعون فى الارض فسادا ان يقتلوا
او يصلبوا او تقطع ايديهم وارجلهم
من خلاف او ينفوا من الارض . ذلك لهم
خزى فى الدنيا ولهم فى الآخرة عذاب
عظيم . الا الذين تابوا من قبل ان
ان تقدروا عليهم فاعلموا ان الله
غفور رحيم .¹

Maksudnya : "Sesungguhnya pembalasan terhadap orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya dan membuat kerosakkan di muka bumi, hendaklah mereka itu dibunuh atau disalib atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan bertimbal balik atau di buang negeri. Yang demikian itu (sebagai) suatu penghinaan untuk mereka di dunia dan di akhirat mereka beroleh seksaan yang besar kecuali orang-orang yang

¹ Al-Qur'an, Surah al-Maidah, 5 : 33 - 34.

taubat (di antara mereka) sebelum kamu dapat menangkap mereka. Maka ketahuilah bahawasanya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".¹

- d. Seorang yang ada kelebihan dalam ilmu pengetahuan dan agama (ilmu duniawi dan ukhrawi).

Oleh kerana pemimpin juga adalah pendidik, maka seorang pendidik atau murabbī (مربى) mestilah memiliki sifat rabbāni. Menurut keterangan daripada Al-Hassan Al-Basri bahawa orang-orang yang rabbāni itu ialah orang yang sempurna ilmu pengetahuannya, menjadi ahli ibadah dan sempurna takwa mereka kepada Allah.² Allah telah menegaskan dalam Al-Qur'an :

فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ .²

Maksudnya : "Maka tanyakan olehmu kepada orang-orang yang berilmu, jika kamu tidak mengetahui".³

Justeru itu, pemimpin dan pemimpin sewajarnya lah mempertingkatkan ilmu pengetahuan mereka khasnya bagaimana cara untuk membentuk peribadi dan menghadapi persoalan-persoalan rakyat.

Dikalangan ahli hukum juga telah bersepakat bershawa pemimpin itu mesti seorang lelaki dan wanita tidak boleh menjawat sebagai

¹Aishah Hasan (Penterjemah), Pendekatan Islam Terhadap Pendidikan Anak-anak, 2 bahagian (K. Lumpur : Pustaka Salam, 1988), bah. I, hlm. 207.

²Al-Qur'an, Surah Al-Anbiyā', 21 : 7.

pemimpin yang besar seperti jawatan 'khalifah'¹ berdasarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w :

2. لا ، لن يفلح قوم تملكهم امرأة ولو امرهم امره .

Maksudnya :

"Tidak akan berjaya sesuatu kaum yang pemimpin mereka adalah wanita serta urusan mereka diserahkan kepada kaum wanita".

Dr. Muhammad b. ^CAbdullah dalam kitabnya *Al-Akhlāk Fil al-Qur'ān* pula menegaskan bahawa pemimpin itu juga mesti atas pilihan rakyat³ dengan membawa dalil daripada *Al-Qur'ān* iaitu Surah *Āli* ^C*Imrān* ayat 159 (ayatnya telah dijelaskan dalam fasal sebelum ini). Di samping itu, pemimpin perlu bersifat ikhlas, takwa dan bertanggungjawab. Firman Allah :

وسارعوا الى مغفرة من ربكم وجنة عرضها
السموات والارض اعدت للمتقين الذين
ينفقون في السراء والضراء والكاظمين
الغيظ والعافين عن الناس .⁴

¹Muhammad ^CAli Qutub, Jamaluddin Kafie, Bai'at Kaum Wanita Terhadap Rasulullah (Malaysia : PENAMAS Sdn. Bhd., 1984), hlm. 85.

²Muhammad b. Ismail, Sahih al-Bukhārī, Bab al-Maghāzī, hlm. 82.

³Dr. Muhammad b. ^CAbdullah, Al-Akhlāk Fi al-Qur'ān (Beirut : Muassasah ar-Risalah, 1984M-139H0, hlm. 749.

⁴*Al-Qur'an*, Surah *Āli* ^C*Imrān*, 3 : 133 - 134.

Maksudnya :

"Dan segeralah kamu kepada keampunan daripada Tuhanmu dan kepada syurga yang luas seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa, iaitu orang-orang yang menafkahkan hartanya sama ada di waktu lapang atau sempit dan orang-orang yang menahan sifat amarahnya dan memaafkan kesalahan orang".

Kewajiban memiliki sifat tanggungjawab bagi pemimpin, dinyatakan oleh Rasulullah melalui sabdanya :

أَلَا كَلِمَ رَاعٍ وَكَلِمَ مَسْئُولٍ عَنْ رَعِيَّتِهِ
فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ
مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ¹.

Maksudnya :

"Ketahuilah, setiap kamu adalah pengembala (pemimpin) dan setiap kamu akan ditanya tentang gembalaanmu (kempimpinanmu), seorang amir (raja, penguasa, pembesar atau pemimpin) yang berkuasa terhadap rakyat akan ditanya akan kepimpinannya".

Berpandukan kepada perintah Al-Qur'an ini serta petunjuk daripada Nabi s.a.w. maka wajibliah atas setiap pemimpin yang benar-benar mukmin, waras akalnya, memahami masalah atau bijaksana, hendaklah ia menjalankan tugas dan tanggungjawab ini dengan sebaik-baiknya, dengan penuh persediaan dan kuat keazaman.

Manakala sifat yang baik (berbudi) yang telah dihuraikan oleh Dr. Nordin Selat dalam penulisannya iaitu pemurah, sabar, benar, amanah dan tabligh adalah sifat yang wajib bagi Rasulullah s.a.w. Sifat-sifat tersebut sememangnya perlu ada pada setiap

¹ Muslim b. al-Hajjāj, Sahih Muslim, jil. 3, hlm. 59.

pemimpin kerana Rasulullah adalah pemimpin yang terulung di dunia, paling adil serta bertanggungjawab.

Kesimpulannya, ciri-ciri kepimpinan yang digariskan di dalam Adat Perpatih adalah bertepatan dengan ciri-ciri yang dikehendaki oleh Islam. Tambahan pula, majoriti masyarakat Adat Perpatih adalah beragama Islam setelah pendakwah Islam berjaya mengislamkan mereka pada kurun ke 14 semasa Islam datang ke alam Minangkabau. Masyarakat adat juga mengharapkan agar datuk-datuk lembaga, alim ulama dan cerdik pandai sentiasa bekerjasama.¹ Tuntutan itu dinyatakan dalam kata pepatah :

Tiga tungku sejerangan
Tiga tali sepilihan.²

'Tiga tungku' dan 'tiga tali' itu adalah datuk-datuk lembaga (ketua-ketua adat), alim ulama dan cerdik pandai. 'Tungku' adalah tempat memasak (menjerang) dan ia mesti ada tiga, kalau satu atau dua tidak dinamakan tungku,. 'Tali' yang dibuat dari ijuk enau, dijadikan tiga lembar supaya boleh dipilih dengan cukup kukuh. Malah tali yang dibuat dari ijuk enau lebih kukuh daripada belati sekarang kerana ia tahan berhujan berpanas. Maka begitulah keamatan yang diharapkan dari tiga golongan tersebut.

¹ Abdul Samad Hj. Idris, "Secebis Mengenai Adat Perpatih : Nilai dan Falsafahnya", hlm. 27.

² Ibid., hlm. 25.

2.6. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Hukum Adat

Sebelum kedatangan Islam, masyarakat di alam Minangkabau sudah terdapat norma-norma yang mengatur kehidupan masyarakat dalam bentuk hukum tetapi tidak bertulis yang disebut ^curf atau adat. ADat yang telah berkembang di alam Minangkabau itu mengandung prinsip-prinsip yang berdasarkan kepada pemikiran manusia yang telah berlangsung turun temurun dari satu generasi ke satu generasi. Hukum adat ini dipatuhi kerana masyarakat adil menganggap itulah yang terbaik dalam mengatur kehidupan mereka dan telah dilakukan oleh nenek moyang mereka sebelum ini.

Hukum syarak pula berdasarkan kepada wahyu Allah s.w.t. yang kebenarannya dianggap mutlak oleh pengikutnya sebagai lanjutan daripada rasa keimanan kepada Allah s.w.t. Jumhur ulamak Fiqh bersepakat bahawa hukum syarak adalah bersumberkan al-Qur'an, al-Hadis, Ijmak dan Qias.

Dalam fasal ini pula, penulis akan jelaskan sejauhmanakah penyesuaian dan pertentangan antara hukum adat dan hukum syarak serta nilai etika yang terkandung dalam hukum adat khasnya.

a. Hukum Tentang Harta Pusaka

Seperti yang telah dijelaskan, hukum harta pusaka dalam Adat Perpatih terbahagi kepada dua jenis iaitu harta pusaka benar dan harta pusaka sendiri. Prinsip berhubung dengan pewarisan harta pusaka berpusat kepada kaum perempuan. Ini adalah prinsip umum. Dalam perlaksanaannya, ditegaskan sekali lagi bahawa harta yang termasuk dalam hukum tersebut adalah tanah pusaka adat sahaja,

harta-harta yang selain daripadanya terkeluar daripada tuntutan tersebut. Inilah cara pembahagian tanah yang telah dan sedang dilakukan oleh pegawai-pegawai pusaka yang terlibat dalam mentadbir tanah-tanah adat di Negeri Sembilan, menurut penjelasan Encik Sulaiman Kadimi, pegawai pusaka, daerah Kuala Pilah.¹

Menurut Encik Sulaiman lagi, sebelum penjajahan British tanah adat atau 'customary land' ini tiada bergeran, bernama atau bertanda 'batu sempadan'. Ia hanya dijaga atau ditadbir oleh Datuk Lembaga atau buapak. Tetapi setelah penjajahan British yang mengamalkan konsep 'pecah dan perintah', maka tanah ini diletakkan nama, geran milik tanah serta 'batu sempadan' dan di geran tanah itu dicop 'Customary Land' untuk memudahkan mentadbirnya. Undang-undang tanah adat ini telah dicatatkan dalam Enakmen Pemegang Adat - Bab 15.

Dr. Amir Syarifuddin dalam bukunya, Perlaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau' berusaha menerangkan sejauhmanakah kesesuaian sistem yang dinyatakan di atas dengan hukum syarak. Pada pendapat beliau, tanah adat ini bukan milik perseorangan atau milik sesiapa secara pasti. Ia adalah milik nenek moyang yang mula-mula memperolehi harta ini.² Harta pusaka ini dimiliki secara genqqam beruntuk bukan milik peribadi dan

¹Temubual dengan En. Sulaiman Kadimi, Pegawai Pusaka daerah Kuala Pilah, 2 Februari, 1991.

²Dr. Amir Syarifuddin, Perlaksanaan HJukum Kewarisan Islam Lingkungan Adat Minangkabau, (Jakarta : PT. Gunung Agung, 1984), hlm. 270.

pemilikan berada dalam kaum yang kolektif.¹ Sedangkan hukum pewarisan dalam Islam ialah peralihan hak milik peribadi si mati kepada waris yang masih hidup.

Di sini mari kita lihat pewarisan harta menurut adat. Pertama dari segi pemegang hak tanah adat. Seorang yang memegang dan mengusahakan harta adalah sebagai peminjam daripada kaumnya. Sebagai peminjam ia tidak berhak bertindak menjual atau menggadai dan seumpamanya. Bila ia mati pula harta tidak dapat diwariskan kepada anak-anaknya sebagai ahli waris yang ditentukan oleh hukum faraid kerana ahli wairs pada syarak hanya berhak mewarisi harta perbadi simati.

Kedua, kita tinjau pula dari segi pengawasan atau penjaga harta itu iaitu datuk lembaga atau buapak. Peranan itu akan beralih kepada kemenakan (bapa saudara) sesudah ia mati. Di sini pun terlihat bahawa pemegang harta bukanlah pemiliki harta, tetapi hanya sekadar penbgurus dan pengawas terhadap harta bersama. Maka dia tidak ada kuasa untuk mengalihkan harta yang dijaganya itu kepada pihak lain termasuk ahli wairs menurut hukum faraid. Sebaliknya, harta pusaka itu jatuh ke pihak kemenakan, kerana anggota dari penguasa harta di mana pengelolaannya dilakukan oleh mamak. Turunnya harta itu kemenakan hanya dalam bentuk peralihan peranan untuk pengurusan selanjutnya. Masalah ini lebih banyak persamaannya dengan harta wakaf dalam Islam.²

¹ Amir Syarifuddin, Perlaksanaan Hukum Kewarisan Islam Lingkungan Adat Minangkabau, hlm. 271.

² Ibid., hlm. 272.

Wakaf ialah menahan harta benda yang kekal bentuk (zat)nya yang manfaatnya dapat digunakan untuk amalan kebajikan dan menyerahkannya kepada pihak yang telah ditentukan oleh syarak dan penggunaannya mengikut syuarat-syarat tertentu atau ia merupakan penahanan ke atas harta yang dimanfaatkan, dan penghasilan dari harta itu boleh digunakan bagi tujuan yang mubah (harus), tanpa menghabiskan harta asal.¹ Wakaf itu terjadi apabila seseroang itu bertindak ke atas hartanya sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan untuk menahan tindakan ke atas hartanya dan manfaatnya adalah untuk anak cucunya atau kaum kerabatnya yang miskin. Ini dinamakan wakaf al-Ahli (وقف الاهلى) atau al-Gharri (الغرى). Jika manfaatnya untuk kebajikan umum dinamakan Wakaf al-Khairi (وقف الخير).² Syarat ke atas harta wakaf ia tidak boleh dijual beli, di pusakai dan dihibahkan sepertimana pesanan Rasulullah s.a.w. kepada Saidina ^CUmar Al-Khatab yang telah memperolehi sebidang tanah di Khaibar :

يا رسول الله انى اصبت ارضا بخير لم
اصيب مالا قط انفس عندي منه فما شامرني
به قال ان شئت حبست اهلها وتصدق بها
قال فتصدق بها عمر انه لا يباع ولا يوهب
ولا يورث وتصدق بها فى الفقراء وفى القربى

¹ Mohd. Ridzuan Awang, Konsep Undang-undang Tanah Islam - Pendekatan Perbandingan (Kuala Lumpur : Al-Rahmaniah, 1408-1987M), hlm. 434.

² al-Sayid Sabiq, Fikh Sunnah, (t.tp. : Maktab al-Muslim, t.th), jil. 3, hlm. 378.

وفى الرقاب وفى سبيل الله وابن السبيل
والضيف ولا جناح على من وليها ان يأكل
منها بالمعروف ويطعم غير متمول¹.

Maksudnya :

"Wahai Rasulullah, aku telah mendapat tanah di Khaibar, yang aku tidak pernah memperoleh harta yang bernilai sebelum ini. Jawab Rasulullah s.a.w. : Jika suka tahanlah tanah itu dan engkau sedekahkan manfaat atau hasilnya. Dengan jawaban itu Umar memilih jalan mewakafkan tanah tersebut dengan syarat tanah itu tidak boleh dijual-beli, dipusakai dan dihibahkan, maka beliau mewakafkan kepada orang fakir, kaum kerabat yang hampir, untuk menebuskan hamba, untuk jalan Allah, orang musafir dan tetamu. Tidak berdosa bagi orang yang menguruskannya mengambil untuk makan secara makruf".

Untuk mengelolakan harta wakaf, perlu ada pengelolanya untuk mengembangkannya sama ada dengan cara menyewanya, meminjamkan atau diusahakan sendiri. Pengusahanya diharuskan oleh syarak mengambil imbalannya menurut ukuran yang sepatutnya.

¹ Muhammad b. Isma^ˆil, Sahih al-Bukhari, juz. 3, hlm. 185.

Daripada huraian di atas, maka Dr. Amir Syarifudin telah menyamakan tanah pusaka adat dengan tanah wakaf yang termasuk dalam Wakaf al-Dhurri iaitu wakaf nenek moyang untuk anak-anak cucunya atau kaum kerabat yang lemah atau miskin kerana pemilik harta dalam hal ini adalah nenek moyang. Tetapi tidak dapat dijelaskan siapakah orang perseorangan nenek moyang itu. Dalam hal ini juga tidak diterangkan kepada siapa harta itu diserahkan tetapi difahami bahawa harta itu diserahkan kepada kerabatnya dari garis keturunan ibu untuk kepentingan seluruh kerabat itu. Nazir atau pengurus harta wakaf itu ialah Datuk Lembaga atau buapak.

Oleh kerana ada kemusykilan pada harta pusaka itu, maka terdapat pandangan yang berbeda di kalangan ulamak Minangkabau sendiri. Di antara pendapat yang paling tajam sekali ialah daripada Syeikh Ahmad Khatib, seorang ulama' yang dilahirkan dan dibesarkan dalam Lingkungan Adat Minangkabau. Beliau dengan tegas mengatakan harta pusaka tersebut adalah harta haram dan proses pewarisannya adalah bertentangan dengan agama.² Asas pembahagian pusaka dalam Islam, waris lelaki mendapat lebih daripada waris perempuan seperti yang telah dinyatakan oleh Allah melalui firmanNya :

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ³.

Maksudnya :

"Allah telah mensyariat bagimu tentang pembahagian pusaka untuk anak-anakmu iaitu bahagian seorang

¹Amir Syarifuddin, Perlaksanaan Hukum Kewarisan Islam Lingkungan Adat Minangkabau, hlm. 273.

²Ibid., hlm. 275.

³Al-Qur'an, Surah al-Nisa', 4 : 11.

anak lelaki sama bahagiannya dengan dua orang anak perempuan".

Namun begitu, ulamak yang terkemudian daripada beliau telah memberi pendapat yang berbeza dengan beliau. Di antaranya murid beliau sendiri iaitu Dr. Syeikh Abdul Karim Amrullah bapa kepada Prof. Dr. Hamka. Beliau berpendapat harta pusaka itu sama keadaannya dengan harta wakaf atau musabalah yang pernah dilakukan oleh ^CUmar Ibnu al-Khatab atas harta yang didapatnya di Khaibar yang telah dibekukan tasarrufnya dan hasilnya dimanfaatkan untuk kepentingan umum.

Penyamaan harta pusaka dengan harta wakaf tersebut walaupun masih ada titik perbezaannya, adalah untuk menyatakan bahawa harta itu tidak dapat diwariskan, maka ia tidak termasuk dalam waris-waris menurut hukum faraid. Pendapat beliau ini dipersetujui oleh ulamak-ulamak lain di antaranya Syeikh Sulaiman ar-Rasuli.²

Kita lihat pula dari sudut logik dan munasabahnyanya kaum wanita Adat Perpatih diberi hak mewarisi tanah adat secara mutlak. Kaum wanita adalah kaum yang lemah. Mereka termasuk dalam golongan mustad^Cafin (مستضعفين) yang telah Allah nyatakan dalam firmanNya :

ومالكم لا تقاتلون في سبيل الله والمستضعفين

من الرجال والنساء والولدان .²

¹HAMKA, Islam dan Minangkabau (Jakarta : Penerbit Pustaka Panjimas, 1984), hlm. 103.

²Al-Qur'an, Surah al-Nisā', 4 : 75.

Maksudnya :

"Mengapa kamu tidak mahu berperang di jalan Allah?
Dan membela orang-orang yang lemah lelaki, wanita
mahupun anak-anak ..."

Justeru itu mereka harus dibela. Mereka sering ditindas dan dizalimi oleh lelaki terutamanya oleh suami-suami yang tidak bertanggungjawab dimana mereka menjadi mangsa penceraian tanpa nafkah atau ditingalkan begitu sahaja. Hal ini menyebabkan perempuan tersebut terpaksa hidup merempat atau meminta belas kasihan orang bagi menyara hidup dirinya serta anak-anaknya. Wanita Adat Perpatih bernasib baik kerana mereka masih ada rumah pusaka dan tanah untuk diusahakan bagi menyara hidup keluarganya, maka masalah di atas tidak timbul.

Hikmahnya lagi ialah orang lelaki digalak keluar merantau sedangkan anak-anak perempuan tidak pergi ke mana-mana. Wanita dalam masyarakat adat berperanan menjaga kampung dan harta. Oleh itu dikhuatiri tanah itu jika diserahkan kepada anak lelaki, tanah itu mungkin tidak diusahakan kerana mereka lebih suka keluar merantau. Kemungkinan juga, tanah itu nanti habis dijualnya. Oleh itu semakin berkuranglah tanah adat atau mungkin terus pupus.

Walaupun tanah adat itu diwariskan kepada kaum perempuan, saudara-saudara lelakinya masih boleh mengerjakan tanah itu atau mengambil hasil yang dalam tanah tersebut. Dia berhak 'meminta nasi' dan 'menumpang tidur' daripada saudara perempuannya jika dia berada dalam kesusahan. Malah saudara perempuannya wajib melayan

¹Al-Qur'an, Surah al-Nisā', 4 : 75.

dan menjaganya sehingga ia berkahwin lagi atau keluar merantau mencari rezeki.

Kesimpulannya, harta pusaka yang diwariskan kepada kaum perempuan cuma tanah adat sahaja, bukan meliputi semua jenis harta seperti mana tuduhan setengah-setengah pihak khasnya masyarakat di luar adat. Dari segi kesesuaiannya dengan hukum syarak, harta tersebut disamakan dengan harta wakaf al-Dhurri iaitu wakaf dari nenek moyang untuk cucu-cucunya yang perempuan. Namun begitu, masih tiada kata sepakat di kalangan ulamak-ulamak di alam Minangkabau dalam masalah ini.

b. Hukum Tentang Keluarga Asas

Sehari ada sehari bernama
 Sehari berhutang pada ibu bapa
 Hutang di atas enam syarat :
 Pertama kerat pusat
 Kedua upah bidan
 Ketiga sunat rasul
 Keempat tindik daing
 Kelima diserahkan mengaji
 Keenam nikah, hutang adat dengan hukum.

Dalam perbilangan di atas, menjelaskan akan tugas-tugas yang harus dilakukan oleh setiap ibu bapa sebaik sahaja mereka dikurniakan cahaya mata. Tuntutan tersebut secara umumnya memang dilakukan oleh masyarakat. Walaupun Adat Perpatih ketika diciptakan, Agama Islam belum wujud tetapi apabila Islam datang ia turut meraikan tuntutan syariat, contohnya 'sunat rasul' iaitu berkhitan dan 'diserahkan mengaji' al-Qur'an. Ringkasnya, tanggungjawab ibubapa terhadap anaknya ialah diberi nama, dikhatankan serta diberi didikan agama yang sempurna agar menjadi insan yang taat pada agama dan berbudi pekerti mulia. Apabila

anak itu telah dewasa dikahwinkan.

Oleh yang demikian, asas-asas pendidikan terhadap anak-anak yang diamalkan masyarakat adat tiada bezanya dengan tuntutan yang telah dikemukakan oleh Islam. Menurut ^CAbdullah Nasih ^CUlwan dalam bukunya Tarbiah al-Aulād fi al-Islām,¹ beliau telah menggariskan hukum-hukum umum yang berkaitan dengan anak yang baru dilahirkan di antaranya ialah :

- a. Sunat azan di telinga kanan dan iqamat di telinga kiri bayi sebaik sahaja menerima kelahirannya ; sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. di atas kelahiran cucu baginda, Hasan b. Ali :

ان النبى صلى الله عليه وسلم اذن
الحسن بن على حين ولدته فاطمه .²

Maksudnya :

"Sesungguhnya Nabi s.a.w. telah mengazankan di telinga Hasan b. Ali ketika dia dilahirkan oleh Saidatina Fatimah".

- b. Diberikan nama yang baik. Abu Daud dan al-Nasaie telah meriwayatkan sabda Rasulullah s.a.w. :

تسموا باسماء الانبياء واحب الاسماء الى
الله عز وجل عبد الله وعبد الرحمن
وامدقها حارث وعمام واقبحها حرب ومرة .³

^{1c} Abdullah Nāsih ^CUlwan, Tarbiah al-Aulād Fī al-Islām, 2 juzuk (Singapura : Kerjaya al-Mahdudah, 1975M), juz. 1, hlm. 73 - 117.

² Ahmad b. Hanbal, Musnad Ahmad b. Hanbal, juz. 6, hlm. 391.

³ Ibid., juz. 4, hlm. 345.

Maksudnya :

"Namakan (anak-anakmu) dengan nama para Nabi. Dan sebaik-baik nama di sisi Allah ialah Abdullah dan Abdul Rahman. Yang bagus lagi ialah Haris, Hammam, dan yang buruk sekali ialah Harb dan Murrah".

- c. Diaqidahkan iaitu menyembelih kambing untuk anak yang baru lahir pada hari ketujuh kelahiran. Rasulullah s.a.w. bersabda :

كل غلام مرتين بعقيقته تذبح عنه يوم
سابعه ويماط عنه الاذى ويسمى .¹

Maksudnya :

"Setiap anak yang dilahirkan itu adalah dalam keadaan berhutang dengan agiqahnya maka hendaklah ia melakukan penyembelihan pada hari ketujuh dan dijauhkan penyakit serta diberi nama".

- d. Dikhitankan iaitu memotong khulfah, yakni memotong kulit yang menutupi kepala zakar. Sabda Rasulullah s.a.w. :

الختان سنة الرجل مكرمة للنساء.²

Maksudnya :

"Sesungguhnya khitan itu sunat bagi lelaki dan memuliakan kaum wanita".

¹Ahmad b. Hanbal, Musnad al-Imam Ahmad b. Hanbal, juz. 5, hlm. 17.

²Ibid., hlm. 75.

Hadis-hadis yang telah dikemukakan di atas telah melengkapkan lagi perbilangan adat yang telah disebutkan dengan menambah amalan azan dan iqamat serta diaqiqahkan anak itu pada hari ketujuh kelahirannya dan juga disunatkan diberi nama pada hari tersebut.

Dalam masyarakat adat bila anak itu sudah besar lebih kurang enam tahun tidak kira lelaki atau pun perempuan mesti dihantar mengaji iaitu belajar al-Qur'an dan ilmu-ilmu akhirat :

Dapat tikar sehelai bantal sebuah
Sukalah emak dengan bapanya
Bagi lelaki diserahkan mengaji
Dapat ayat sepatah dua
Tangkal judi dengan sabung.

Dalam kata perbilangan di atas disebutkan 'bagi lelaki diserahkan mengaji, dapat ayat sepatah dua, tangkal judi dengan sabung', menjelaskan betapa pentingnya belajar al-Qur'an kerana ia dapat mengawal diri daripada melakukan perkara-perkara mungkar seperti berjudi. Perkara ini juga telah ditegaskan oleh Ibnu Khaldun dalam bukunya Muqaddimah, bahawa pengajaran al-Qur'an al-Karim ialah asas pengajaran utama dalam semua dasar-dasar pembelajaran di rantau negara Islam kerana ia merupakan suatu syiar agama yang menetapkan akidah dan mengukuhkan iman.¹

Dasar pendidikan anak-anak dalam Islam secara formalnya juga bermula ketika anak itu mencapai usia tujuh tahun. Jiwa mereka

^{1c} Abdullah Nāsih ^cUlwān, Tarbiah al-Aulād Fi al-Islām, juz. 2, hlm. 772.

perlu diikat dengan nilai-nilai kerohanian agar terpancar cahaya keimanan. Sabda Rasulullah s.a.w. :

مروا اولادكم بالطلاة وهم ابنا سبع سنين
واضربوهم عليها وهم ابنا عشر وفرقوا
بينهم في المضاجع .¹

Maksudnya :

"Suruhlah anakmu bersembahyang, apabila mereka mencapai usia tujuh tahun, dan pukullah mereka jika tidak bersembahyang ketika berumur sepuluh tahun dan pisahkan di antara mereka di tempat tidurnya".

Anak-anak itu juga perlu diajarkan al-Qur'an kepada nya, sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Tabarāni daripada Rasulullah s.a.w. :

ادبوا اولادكم على ثلاث خصال : حب نبيكم
وحب آل بيته وتلاوة القرآن.

Maksudnya :

"Didiklah anak-anakmu atas tiga perkara : Cinta kepada nabi kamu, ahli al-Bait (keluarga nabi) dan membaca al-Qur'an".

¹Ahmad b. Hanbal, Musnad al-Imām Ahmad b. Hanbal, juz. 2, hlm. 187.

Walaupun anak-anak telah diserahkan kepada guru untuk mengajarnya, ibubapa perlu memberi kerjasama agar pendidikan tersebut benar-benar berkesan seperti kata pepatah :

Petang mengandangkan
Pagi melepaskan
Malam mendengarkan
Siang memandangkan
Dijaga ayam
Jangan dimakan musang
Kerbau jangan merompak.

Maksudnya telah dijelaskan dalam hlm. 55

Sewajarnya, ibubapa dan gurunya berganding bahu dan berbincang mengenai perkembangan akhlak anak mereka disamping sama-sama mengawasinya. Bagi menjamin kesempurnaan akhlak anak itu, agama Islam menuntut agar anak itu diikatkan dengan seorang guru yang alim, mursyid dan salih.¹ Guru yang mursyid akan memimpin muridnya ke jalan Allah. Dialah yang memberi contoh yang sempurna mengenai Islam, tiada menyembunyikan agama Allah atau berdiam diri atau kemungkaran yang berlaku kerana jika dia menyembunyi sesuatu kebenaran yang diturunkan oleh Allah s.w.t. , dia akan tergolong dalam golongan yang dilaknati, firman Allah :

ان الذين يكتُمون ما اُنزلنا من البينات والهدى
من بعد ما بيناه للناس فى الكتاب اولئك يلعنهم
الله .²

^{1c} Abdullah Nāsih ^cUlwān, Tarbiyah al-Aulād Fi al-Islām, juz. 2, hlm. 797.

² Al-Qur'an, Surah al-Baqarah, 2 : 159.

Maksudnya :

"Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang Kami turunkan dari keterangan dan pertunjuk sesudah Kami menjelaskannya kepada manusia di dalam kitab, mereka itu dilaknati oleh Allah".

Oleh yang demikian para ibubapa hendaklah mendidik anak-anak mereka dengan nilai-nilai hidup yang murni yang diterima oleh masyarakat serta tidak bercanggah dengan tuntutan agama. Adat menyerahkan anak kepada guru - 'diserahkan mengaji', seharusnya dikekalkan, supaya pendidikan itu lebih berkesan kerana wujud tasarruf antara kedua ibubapa dengan guru untuk sama-sama mendidik anaknya. Tetapi di zaman ini, amalan telah semakin lenyap, anak-anak hanya dibiarkan bersendirian untuk pergi belajar dengan guru mereka.

c. Hukum Orang Semenda

Proses persemendaan yang terdapat dalam masyarakat Adat Perpatih, bukan sahaja terdapat dalam masyarakat yang mengamalkannya tetapi meliputi semua insan yang berkahwin. Keistimewaannya cuma Adat Perpatih amat menuntut agar lelaki yang berkahwin dengan perempuan yang hidup dalam lingkungan adat tinggal di rumah keluarga isterinya. Dalam ertikata lain, tinggal di atas tanah pusaka isteri. Walau bagaimanapun, tuntutan ini kurang dipenuhi di zaman sekarang kerana si isteri terpaksa mengikut suaminya 'merantau' mencari rezeki di rantau orang seperti bekerja di bandar-bandar atau menjadi peneroka di tanah rancangan yang baru dibuka.

Oleh itu tanggungjawab orang semenda ialah mesti pandai menyesuaikan diri dengan situasi keluarga isterinya seperti kata

pepatah 'di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung'. Dia mesti 'ringan tulang' dan jangan suka 'berpeluk tubuh' kerana tugas utamanya ialah mengusahakan tanah pusaka isterinya.¹ Namun begitu orang tempat semenda tidak boleh bertindak sesuka hati terhadap orang semenda kerana perbilangan adat ada berpesan :

Dah diberi ditarik balik
 Dah diuja dipegang ekor
 Dah dipertaruh di permalami
 Dah dipesan dituruti.

Berdasarkan kepada perbilangan adat di atas, adalah menjadi kebencian oleh orang semenda sekiranya hidup atau segala tindak tanduknya dikongkong atau terlalu diambil tahu oleh orang tempat semenda seperti hendak mengetahui sejauh manakah kerajinannya dalam mengusahakan tanah pusaka atau melarangnya membawa isterinya merantau jika dia hendak mencari rezeki di rantau orang. Sikap seperti ini jika dilihat dari segi etika adat khasnya, adalah sesuatu yang buruk kerana orang semenda itu seolah-oleh telah pun diberi amanah oleh orang tempat semenda untuk menjaganya (isteri) dan hartanya, siperempuan yang punya pesaka, orang semenda yang membela'. Berhubung dengan masalah ini Allah s.w.t. telah berfirman :

الَّذِينَ يَنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ
 يَتَّبِعُونَ مَا أَنْفَقُوا مِنْهُ وَلَا آذَى لَهُمْ أَجْرُهُمْ
 عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ²

¹Tugas ini menjadi keutamaan kerana di zaman dahulu kebanyakan orang lelaki menyara hidup anak isterinya dengan bertani.

²Al-Qur'an, Surah al-Baqarah, 2 : 262.

Maksudnya :

"Orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah, kemudian mereka tidak mengiringi apa yang dinafkahkanya itu dengan menyebut-nyebut pemberiannya dan dia tidak menyakiti perasaan si penerima, mereka memperoleh pahala di sisi Tuhan mereka. Tidak ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak pula bersedih hati"

Dalam ayat di atas, jelaslah bahawa jangan suka mengungkit-ungkit sesuatu pemberian ataupun melahir sikap tidak percaya kepada orang yang telah diberikan amanah. Demikianlah diibaratkan dengan orang tempat semenda yang telah diberi tanggungjawab 'menjaga perempuan' orang tempat semenda. Sewajarnya orang tempat semenda tidak meragui apa yang hendak dilakukan oleh orang semenda kecuali jika orang semenda itu telah melakukan kesalahan yang nyata.

Orang tempat semenda masih ada ruang untuk menegur kesalahan orang semenda kerana pantang larang bagi orang tempat semenda ialah :

Diberi satu diambil dua
Pelesit dua sekampung
Bagai enau dua sigai
Satu kapal dua nakhoda
mata tumbuh tiada berbenih.

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab yang lalu, perbilangan ini menjelaskan berhubung dengan sikap orang semenda yang berlaku sumbang dengan kaum kerabat, ipar lamai dan suku sakat isterinya, 'pelesit dua sekampung'. Dalam hal ini, orang tempat semenda harus menegur sikapnya serta jangan dibiarkan ia berterusan. Perbuatan seperti ini bukan sahaja dipandang keji oleh adat tetapi juga di sisi agama kerana ia boleh memecah belahkan masyarakat, memutuskan ikatan kekerabatan yang telah sedia terjalin serta

menjadi punca kepada penceraian.

Hadis yang telah diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal :

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم لأصحابه
ما تقولون فى الزنا ؟ قالوا حرام حرمه الله
ورسوله فهو حرام الى يوم القيامة . قال
رسول الله صلى الله عليه وسلم لا أن يزنى الرجل
بعشرة نسوة أيسر عليه من أن يزنى بامرأة
جاره . 1

Maksudnya :

"Telah bersabda Rasulullah s.a.w. : Apa kata kamu pada zina? Mereka menjawab : Ia adalah haram, telah diharamkan oleh Allah dan rasulNya, maka ia tetap haram hingga ke hari kiamat. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda lagi : Andaikata seseorang itu berzina dengan sepuluh wanita adalah lebih mudah perkaranya daripada ia berzina dengan isteri tetangganya".

Hadis di atas menjelaskan betapa kejinya perbuatan sumbang atau berzina dengan jiran tetangga. Apatah lagi jika seorang itu berzina dengan kaum kerabat sendiri sedangkan hak dengan jiran tetangga yang muslim hanya dua sahaja berbanding dengan hak kaum kerabat iaitu ada tiga hak² seperti dinyatakan oleh Rasulullah

¹Ahmad b. Hanbal, Musnad al-Imām Ahmad b. Hanbal, juz. 6, hlm. 8.

^{2c}Abdullah Nāsih ^cUlwān, Tarbiyah al-Aulād Fi al-Islām, juz. 1, hlm. 395.

s.a.w. melalui sabdanya :

الجيران ثلاثة : جار له حق. وهو المشرک
وجار له حقان وهو المسلم له حق الجوار
وحق الاسلام وجار له ثلاثة حقوق ، مسلم له
رحيم ، فله حق الجوار حق الاسلام والرحيم .

Maksudnya :

"Tetangga itu ada tiga : Tetangga yang mempunyai satu hak iaitu tetangga yang musyrik (kafir). Tetangga yang mempunyai dua hak iaitu tetangga muslim yang ada hak kejiranan dan hak Islam. Dan tetangga yang mempunyai tiga hak iaitu tetangga muslim yang ada hubungan kerabat iaitu hak jiran, hak Islam dan hak kekerabatan".

Orang semenda tidak disia-siakan atau diketepikan dalam masyarakat adat. Ianya berperanan dalam masyarakat menurut kedudukan dan kebolehannya.¹ Kata perbilangan adat :

Orang semenda bertempat semenda
Jika cerdik teman berunding
Jika bodoh disurh arah
Tinggi banir tempat berlindung
Rimbun dahan tempat berteduh.

Dalam hal ini, Abu Daud pernah meriwayatkan hadis yang menerangkan bahawa Saidatina Aisyah pernah didatangi oleh seorang peminta sedekah, maka beliau memberikannya sepotong roti. Kemudian

¹Mohd. Yusof Md. Nor, "Perlembagaan Dalam Perbilangan Adat Perpatih : Satu Pandangan Umum", hlm. 9

datang seorang lain yang berpakaian kemas dan bergaya, lalu beliau menghidangkannya pula. Maka para sahabat pun bertanya, apakah sebabnya? Maka Saidatina Aisyah pun berkata : Telah bersabda Rasulullah s.a.w. :

انزلوا الناس منازلهم .

Maksudnya :

"Layanilah manusia itu menurut kedudukannya masing-masing".

Apabila terjadi perselisihan antara orang semenda dengan orang tempat semenda, penyelesaiannya segera dicari. Selalunya satu kenduri kecil diadakan, buapak dijemput. Ia diselesaikan dengan cara meminta maaf atau mengaku kesalahan masing-masing. Perselisihan sememangnya sukar untuk dielakkan kerana :

Orang semenda dengan orang tempat semenda
 Bagai timun dengan durian
 Menggolek luka kena golek pun luka
 Kusut menyelesaikan
 Cicir memungut, hilang mencari
 Hutang membayar, piutang menerima
 Oleh tempat semenda.¹

Tindakan yang diambil oleh masyarakat adat dalam menyelesaikan masalah ini merupakan nilai etika yang murni dan amat bertepatan sekali dengan tuntutan syariat kerana Allah s.w.t. pernah

¹ Mohd Yusof Md. Nor, "Perlembagaan dalam Perbilangan Adat Perpatih : Satu Pandangan Umum". hlm. 8.

berfirman :

ولا تستوى الحسنة ولا السيئة ادفع بالتي
هي احسن فاذا الذي بينك وبينه عداوة
كأنه ولى حميم .¹

Maksudnya :

"Dan tiadalah sama yang baik dengan yang buruk, tolaklah yang buruk dengan sebaiknya, sehingga apabila antara kamu dengan dia yang ada permusuhan, akan menjadi sebagai teman yang setia".¹

d. Hukum Tentang Perkahwinan dan Penceraian

Hukum asas perkahwinan dalam Adat Perpatih telah tidak boleh berkahwin sesuku. Walau bagaimanapun larangan ini bukanlah secara mutlak kerana lelaki yang berkahwin dengan perempuan sesuku hanya dianggap sumbang di mata masyarakat adat. Lantaran itu, mereka tidak berhak menuntut tanah pusaka adat atau menyandang jawatan dalam pimpinan adat. Sekiranya mereka ingin berkahwin juga, maka hendaklah dilangsungkan perkahwinan tersebut di luar masyarakat adat.

Jika dilihat sepintas lalu, larangan itu adalah bertentangan dengan firman Allah s.w.t. yang telah menggariskan dengan jelasd wanita-wanita yang haram dikahwini iaitu :

¹Al-Qur'an, Surah Fusilat, 41 : 34.

حرمت عليكم امهاتكم وبناتكم واخواتكم
وعماتكم وخالاتكم وبنات الاخ وبنات الاخت
وامهاتكم التي ارضعنكم واخواتكم من
الرضاعة وامهات نسائك وربائك التي
في حجورك من نسائك التي دخلتم بهن
فان لم تكونوا دخلتم بهن فلا جناح عليكم
وحلائل ابنائكم الذين من اصلابكم وان
تجمعوا بين الاختين الا ما قد سلف ان
الله كان عفورا رحيمًا .¹

Maksudnya :

"Diharam atas kamu mengahwini ibu-ibu, anak-anak perempuanmu, saudara-saudaramua yang perempuan, saudara-saudara perempuan bapamu, saudara-saudara perempuan ibumu, anak-anak perempuan dari saudara lelakimu, anak-anak perempuan saudara perempuanmu, ibu-ibu susuanmu, saudara-saudara perempuan susuanmu, ibu-ibu isterimu, anak-anak perempuan isterimu yang dalam pemeliharaanmu dari isteri yang telah kamu campuri, tetapi jika kamu belum campuri dan telah kamu ceraikan, maka tidak berdosa kamu mengahwininya. Dan diharamkan isteri-isteri anak kandungmu dan menghimpunkan dalam perkahwinan dua perempuan yang bersaudara kecuali yang telah terjadi pada masa lampau. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".

¹Al-Qur'an, Surah al-Nisā', 4 : 23.

Tetapi jika dibuat penelitian dengan lebih mendalam berhubung dengan larangan berkahwin dengan perempuan sesuku, terdapat hikmat-hikmat tertentu yang turut juga dibincangkan oleh ulamak Fiqah. Sebab utama larangan tersebut ialah kerana di antara mereka masih ada hubungan darah dan kekerabatan yang dinasabkan daripada keturunan sebelah ibu. Tambahan pula, masyarakat adat menganggap saudara sesuku itu seperti saudara kandung. Perasaan cinta di antara mereka adalah kasih sayang yang ikhlas yang berbentuk penghormatan dan penghargaan. Oleh itu, rasa cinta seperti ini jauh dari dorongan syahwat. Menurut Sayyid Sabiq, perasaan cinta yang bersifat syahwat yang wujud di antara orang-orang yang ada hubungan secara nasab sudah jauh dan lemah.¹

Agama Islam telah menentukan beberapa dasar dalam memilih calon isteri, salah satu daripadanya ialah perempuan itu tiada hubungan kekerabatan dengannya. Persoalan ini telah pun dibincangkan di kalangan ulamak Fiqh. Menurut Imam al-Ghazali,² perkara yang mesti diberi perhatian dalam memilih calon isteri hendaklah perempuan itu jangan dari keluarga terdekat kerana ia menyebabkan anak-anak menjadi lemah. Dalam hal ini beliau berdalilkan kepada sabda Rasulullah yang bermaksud :

"Jangan kamu kahwini kerabat yang terdekat kerana anak nanti yang menjadi kurus".

¹Sayid Sabiq, Fikih Sunnah, hlm. 105.

²Imam al-Ghazali, Ihya 'Ulumuddin, jil. 2, hlm. 409.

Pendapat Imam al-Ghazali juga turut menjadi dasar dalam pemilihan isteri pada pandangan Muhammad Ali Quthb.¹ Beliau menyatakan bahawa perkahwinan antara lelaki yang berasal dari pertalian saudara yang dekat akan melahirkan keturunan yang lemah jasmaninya dan lesu fikirannya sedangkan berkahwin dengan wanita yang tiada hubungan kerabat akan menghasilkan zuriat yang sehat dari segi jasmani dan mental. Selanjutnya Muhammad Abduh berkata bahawa perkahwinan anggota keluarga terdekat menyebabkan lemahnya keturunan.³ Bilaman hal ini berjalan terus kelemahan itu akan terus berantai dan sekiranya keturunan itu berpenyakit, penyakit itu akan terus diwarisi, kemungkinan akan menyebabkan kebinasaan. Keadaan ini berlaku menurut Muhammad Abduh kerana dua sebab; pertama, kuatnya keturunan bergantung kepada kuatnya dorongan syahwat antara suami isteri sedangkan dorongan syahwat antara keluarga terdekat, lemah. Oleh itu mereka berpendapat hukumnya makruh berkahwin dengan anak bapa saudara atau anak emak saudara (saudara sepupu). Kedua, seperti yang telah dijelaskan oleh Allah s.w.t. bahawa isteri itu ibarat ladang kepada suami³ untuk menyemaikan benih anak, maka sayugialah tiap-tiap orang dari anggota yang berkahwin biarlah dengan orang lain sama sekali agar anak itu menjadi baik dan pintar

¹ Muhammad Ali Quthb, ptrj. Haji Taib Azamuddin Mohd Taib, Haji Mohammed Yasin, Haji Abdul Majid Haji Jaafar, T. Muhammad, Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam, (K. Lumpur : Pustaka Haji Abdul Majid, 1989), hlm. 100.

² Sayid Sabiq, Fikih Sunnah, jil. 6, hlm. 105-106.

³ Lihat maksud al-Qur'an, Surah al-Baqarah, 2 : 223.

kerana anak itu nanti akan mewarisi campuran antara ayah dan ibunya samada dari segi jasmaniahnya, akhlak dan rohaniahnya, sekalipun jika perbedaannya hanya sedikit sekali. Keadaan ini turut diakui oleh ahli-ahli perubatan.

Dalam perlembagaan adat juga, jelas menyebut, kalau ditakdirkan berlaku sesuatu yang buruk umpamanya penceraian, maka harta mereka akan dibahagikan mengikut ungkapan dalam pepatah ini :

Carian bahagi
Dapatan tinggal
Pembawaan kembali

Ertinya harta-harta yang diperolehi sepanjang tempoh perkahwinan itu hendak dibahagi, apa yang dibawa oleh orang semenda (suami) semasa berkahwin dulu boleh diambil kembali jika dia tidak mahu menyerahkan kepada anak dan isterinya. Harta dapatan yang ada pada isteri, hendaklah ditinggalkan. Contohnya, seekor kerbau yang dibawa oleh suami ketika berkahwin dulu telah beranak dua ekor selama mereka bersama. Maka seekor dibahagikan kepada isteri dan seekor lagi berserta induknya boleh dibawa balik semula begitulah sebaliknya.¹

Jika diteliti ungkapan pepatah tersebut, tidak dapat dinafikan akan kebenarannya dan wajar keputusan yang diambil kerana ia tidak menimbulkan masalah atau persengketaan dia antara kedua belah pihak yang terpaksa berpisah.

¹A. Samad Idris, Adat Perpatih', Siri ke 36.

Tetapi jika penceraian itu meninggalkan anak, hukum adat menetapkan bahwa hak menjaga anak adalah pihak ibu (bekas isterinya ataupun saudara-saudara sebelah ibu). Hukum ini sama dengan hukum yang telah ditetapkan oleh syariat.

Menurut Jumhur Ulamak, isteri yang diceraikan lebih berhak memelihara dan mengasuh anak sebagaimana hadis yang telah diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. :

امراة قالت : يا رسول الله ان ابني هذا
كان بطني له وعاء وشدني له سقاء وحجري
له حواء. وان اباه طلقني واراد ان ينتزعه
منى فقال لها رسول الله صلى الله عليه
وسلم : انت احق به ما لم تنكحي .¹

Maksudnya :

"Seorang perempuan datang kepada Rasulullah s.a.w. lalu berkata : Wahai Rasulullah, anak aku ini, akulah yang mengandungkannya, tetekku tempat ia minum dan lambunganku tempat ia tidur. Dan sesungguhnya bapanya telah merampas anak ini daripadaku. Lalu Rasulullah s.a.w. berkata kepadanya : Kamu lebih berhak menjaganyua selama kamu tidak berkahwin".

¹ al-Hafiz Abi Daud Sulaimān Ibn. al-Ash^caath al-Sajastāni, Sunan Abi Daud, 2 juzuk (t.tp: Dār al-Fikri, t.t..), juz. 1, hlm. 283).

Dalam beberapa riwayat, Abu Bakar r.a. pernah berkata kepada Saidina Umar r.a. berhubung dengan masalah ini. menurut beliau, ibu diberi keutamaan kerana ibu lebih perasa, lebih halus rasa kasihnya, lebih mesra dan lebih sayang kepada anaknya. Oleh kerana itu ia (ibu) lebih berhak terhadap anaknya sebelum ia berkahwin lagi.¹ Lagipun ibu mempunyai tahap kesabaran yang tinggi dalam mendidik dan mengasuh anaknya berbanding dengan bapa. Kerabat ibu diutamakan daripada kerabat bapa berdasarkan qias hak penjagaan diutamakan kepada ibu.

e. Hukum Tentang Berkedim

Sesungguhnya, 'berkedim' dalam hukum adat maksudnya sama dengan mengambil anak angkat. Tujuannnya ialah memberi peluang kepada pasangan yang tidak mempunyai anak khasnya anak perempuan, supaya nanti anak angkat itu nanti dapat menjaga semasa mereka sudah tua serta dapat mewarisi dan menjaga harta yang ada khasnya tanah pusaka adat iaitu bagi anak angkat perempuan, manakala anak angkat lelaki boleh menyandang jawatan adat. Berkedim seperti ini dinamakan kedim Adat dan Pusaka.

Selain daripada itu, hukum berkedim ini juga membolehkan orang luar yang datang merantau ke kawasan tanah adat (Negeri

¹Sayid Sabiq, Fikih Sunnah, jil. 8, hlm. 163.

Sembilan) dapat mencari 'saudara' iaitu sebagai tempat untuk berlindung, menjaga makan minumannya dan jika ia sakit, 'sakitnya dibela, matinya ditanam'. Kedim cara ini dipanggil Kedim Adat. Kedim jenis ini, bila dilihat dari segi etika sosial dan agama, adalah sesuatu yang amat baik. Orang yang merantau akan merasai hidupnya dihargai dan tiada disisihkan. Masalah ini telahpun disentuh oleh Allah s.w.t. melalui firmanNya :

وبالوالدين احسانا وبذي القربى واليتامى
والمساكين والجار ذى القربى والجار الجنب
والمصاحب بالجنب وابن السبيل وما ملكت ايمانكم¹.

Maksudnya :

"Dan berbuat baiklah kepada kedua ibubapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, tetangga yang dekat dan jauh, teman sejawat, ibnu sabil, dan kepada hamba sahayamu".

Ibnu sabil (ابن سبيل) dalam ayat di atas, umumnya ahli tafsir telah menafsirkan sebagai orang yang sedang bermuasafir untuk maksud-maksud yang baik.² Dalam ertikata lain, pergi merantau untuk mencari ilmu atau mencari rezeki dan seumpamanya. Justeru itu, anak-anak dalam perjalanan ini wajib 'diihsani' serta dilayan dengan baik bahkan mereka pun berhak menerima bahagian dari zakat.

¹Al-Qur'an, Surah al-Nisā', 4 : 36.

²Prof. Dr. Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka), Tafsir al-Azhar, jilid (Singapura : Pustaka Nasional Pte Ltd., 1990), jil. 2, hlm. 1215.

Mereka juga dianggap sebagai tetamu yang datang dengan tiba-tiba,¹

Tetapi apabila menyentuh masalah Kedim Adat dan Pusaka, penulis berpendapat ianya adalah sesuatu yang bertentangan dengan hukum agama kerana hukum adat telah membolehkan anak angkat itu mewarisi tanah pusaka adat walaupun ia tidak merangkumi harta pusaka yang lain. Pada kebiasaannya, kaum kerabat yang ada hubungan nasab dengan simati seperti adik-adik perempuan simati, akan rasa tersinggung dan irihati apabila harta itu jatuh ke tangan orang yang tiada hubungan darah langsung dengan simati. Keadaan ini juga boleh menyebabkan putus hubungan persaudaraan yang telah diikatkan. Lagipun Allah s.w.t. melarang anak angkat dijadikan seperti anak sendiri, firmanNya :

وما جعل ادعياءكم ابناءكم .²

Maksudnya :

"Tidaklah Dia (Allah) menjadikan anak-anak angkatmu seperti anak kandungmu sendiri".

Menurut tafsiran Prof. Dr. Hamka, Allah melarang mengangkat anak orang lain dijadikan seperti anak sendiri lalu mengatur pula

¹Prof. Dr. Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka), Tafsir al-Azhar, jil. 2, hlm. 1215.

²Al-Qur'an, Surah al-Ahzab, 33 : 4.

agar harta pusaka setelah mati diserahkan pula kepada anak angkat itu.¹ Hal ini adalah melanggar ketentuan hak milik yang telah ditentukan oleh syariat.

f. Hukum Tentang Jenayah

Manusia adalah makhluk yang paling dimuliakan Allah. Manusia diciptakan dengan kekuasaanNya dan disuruh pula semua malaikatNya sujud kepadanya serta menundukkan semua yang ada di langit dan bumi. Selepas itu, ia dilantik menjadi khalifahNya di bumi.

Manusia tidak akan mampu merealisasikan cita-citanya kecuali semua aspek bagi pengembangan dirinya dipenuhi dan semua hak-haknya dihormati sepenuhnya. Hak-hak yang paling utama dijamin oleh Islam adalah hak hidup, hak pemilikan, hak memelihara kehormatan, hak kemerdekaan, hak persamaan dan hak menuntut ilmu pengetahuan.

Allah telah berfirman :

ولقد كرمنا بنى آدم وحملناهم فى البر
والبحر ورزقناهم من الطيبات وفضلناهم
على كثير ممن خلقنا تفضيلا .²

¹Prof. Dr. Hamka, Tafsir al-Azhar, jil. 8, hlm. 5631.

²Al-Qur'an, Surah al-Isrā', 17 : 70.

Maksudnya :

"Dan sesungguhnya telah kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkat mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang kami ciptakan".

Atas prinsip-prinsip yang telah digariskan itu, maka hukum adat telah menetapkan bahawa perkara-perkara yang boleh mengganggu ketenteraman masyarakat dianggap suatu 'jenayah'. Ia perlu dikenakan hukuman yang setimpal. Perkara-perkara yang dianggap 'jenayah' itu ialah :

Tikam bunuh
Umpas racun
Samun sakar
Siar bakar
Maling curi
Umbuak umbai
Sumbang salah¹
Dahaga dahagi.

Dalam perbilangan di atas, perkara-perkara yang dianggap perbuatan jenayah itu ialah mencederakan seseorang dengan sengaja, membunuh, merampas atau mencuri harta orang lain, mengugut, melakukan rasuah, melakukan perbuatan 'sumbang' atau berkelakuan tidak sopan di khalayak ramai dan juga menderhakai pemimpin-pemimpin mereka (ketua-ketua adat), termasuk juga pemimpin-pemimpin yang membuat tuduhan palsu terhadap anak buahnya.

Berhubung dengan perkara di atas, Rasulullah s.a.w. pernah berpesan kepada umat Islam dalam khutbahnya Haji Wida^C, sabda

¹ Maksud kata perbilangan adat ini dijelaskan dalam halaman

baginda :

وان دماءكم واموالكم عليكم حرام كحرمة
يوكم هذا فى شهركم هذا فى بلدكم هذا
ألا هل بلغت ؟ قالوا : بلغت : نعم
قال اللهم اشهد .¹

ان رسول الله (ص) قال : كل مسلم

حرام دمه وماله وعرضه .²
Maksudnya :

"Sesungguhnya darah dan harta benda kamu adalah mulia, sama mulianya hari dan bulanmu ini serta negerimu ini. Ingatlah aku telah menyampaikan, Ya Allah, semoga Engkau saksikan bahawa setiap muslim terhadap muslim lain harus menghormati darah, harta benda dan kehormatannya masing-masing".

Lantaran itu, setiap insan khususnya orang Islam, hendaklah menghoramti jiwa, nyawa dan harta orang lain serta memelihara kehormatan masing-masing, jangan melakukan perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah diri.

Setiap kesalahan mesti ada hukumannya. Tetapi sebelum hukuman itu dikenakan, kesalahan itu mesti dibuktikan dahulu. Pembuktian atau tanda-tanda bersalah yang telah ditetapkan oleh hukum adat dapat diketahui melalui dua cara iaitu syak wasangka :

Berjejak bak bakiak
Berberus bak sipasin

¹Abi ^CAbdullah Muhammad b. Yazid al-Qazwīnī Sunan Ibnu Majah, juz. 2, hlm. 1297.

²Ibid., hlm. 1298.

Berbau bak embacang
 Enggang lalu ranting patah
 Runcing tanduk
 Cencang wangguh bengkak kening
 Tersidang jejak menurun, tertukik jejak mendaki.

Dan bukti :

Terkikik terkadik tertanda terbeti
 Pulang pagi berbasah-basah, berjual bermurah-murah
 Terlelah terkejar, lo kata orang banyak
 Bertali boleh diheret, bertampuk boleh dijinjing
 Bertunggul penebagan, bersasuk berjerami
 Bertimbang ciak dak menjawab.¹

Cara hukum adat mendapatkan bukti ke atas pesalah-pesalah ialah melalui sikap atau perbuatan yang agak luar biasa di mata masyarakat. Orang yang disangsikan sikapnya akan ditangkap, sekiranya ada bukti-bukti yang mengaibkan umpama, di badannya ada tanda luka akibat pergelutan, barang yang hilang ada di tangannya dan sebagainya.

Oleh kerana perbilangan adat itu diciptakan di zaman nenek moyang dulu, maka gambaran yang terkandung dalam kata-kata perbilangan lebih banyak didasarkan kepada alam dan sikap atau pandangan masyarakat dahulu. Apabila ia dilihat dari kacamata Islam, cara mereka mencari bukti ke atas pesalah kurang menepati hukum syariat kerana Allah s.w.t. telah mengingatkan jangan terlalu mudah menerima berita tanpa diteliti atau disiasat terlebih dahulu.

¹ Huraian maksud perbilangan ini telah dijelaskan dalam hlm.

FirmanNya :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ
فَتَبَيَّنُوا أَن يَصِفُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصَحِّحُوا
عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ .¹

Maksudnya :

"Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa sesuatu berita, maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatan kamu".

Bagi masalah yang melibatkan hukum hudud seperti zina, menuduh orang berzina, mina arak, mencuri, mengacau, memberontak serta murtad (keluar dari agama Islam), syariat Islam menetapkan mesti ada saksi di samping syarat lain yang boleh disabitkan kesalahannya. Umpamanya tuduhan terhadap penzina mesti ada empat orang saksi, malah saksi itu pula mesti terdiri daripada orang lelaki yang baligh dan adil (pendapat mazhab Syafi'e). Firman Allah :

وَالَّتِي يَآ تَيْنِ الْفَاحِشَةُ مِنْ نِسَائِكُمْ
فَاسْتَشْهِدُوا عَلَيْهِنَّ أَرْبَعَةً مِنْكُمْ .²

Maksudnya :

"Dan terhadap para wanita yang mengerjakan perbuatan keji, hendak di ada empat orang saksi di antara kamu yang menyaksikannya".

¹Al-Qur'an, Surah al-Hujurāt, 49 : 6.

²Al-Qur'an, Surah al-Nisā', 4 : 15.

Bentuk-bentuk hukuman yang telah ditetapkan oleh hukum adat ialah :

Gali Urat
Buang batang
Getis pucuk.

'Gali Urat' adalah hukuman yang paling berat yaitu hukum buang dari kampung halamannya untuk selamanya. Bagi seseorang yang telah melakukan pembunuhan, mungkin juga dia diberi pilihan untuk menembuskan kesalahannya dengan menyerahkan diri kepada perut dan suku mangsa, sebagai ganti seumur hidup. Jika nasibnya ia akan diperlakukan seperti anak sendiri, jika tidak ia akan menjadi khadam tidak bergaji seumur hidup. 'Buang batang' pula bermaksud seorang itu berusaha membersihkan dari jenayah itu sehingga ia dapat diterima oleh masyarakatnya. Orang yang bersalah dikehendaki menyembelih seekor kerbau atau kambing, mengadakan kenduri menjamu seisi kampung. Kemudian mereka disuruh meminta ampun atas kesalahan dan disaksikan oleh orang yang hadir. Jika dia enggan melakukannya, hukumannya akan dibuang dari kampung. 'Getis pucuk' digambarkan untuk kesalahan-kesalahan kecil dan cara penembusan yang paling ringan. Cara penembusan untuk kesalahan ini seperti kata pepatah :

Salah pagi menyembah petang
Salah petang menyembah pagi.

'Menyembah' ertinya meminta maaf. Maka seorang yang melakukan kesalahan perlu segera meminta maaf dan kikiskan sifat dendam dan berusaha melupakan perkara yang telah berlaku malah kedua belah pihak hendaklah berbaik-baik semula.

Seorang ketua adat yang melakukan kesalahan seperti membuat tuduhan palsu 'dahagi', tidak dihukum secara terang-terangan seperti masyarakat biasa, kerana dihukum secara terangan, ini akan memalukan kelompok atau suku tersebut ibarat :

Menepuk air di dulang
Mengoyakkan baju di dada

Daripada huraian di atas, penulis dapati hukuman terhadap pesalah lebih berbentuk 'memalukan' pesalah itu atau menjatuhkan maruahnyanya di khalayak ramai. Dalam Islam, disebut sebagai hukuman takzir. Hukum takzir dilakukan oleh hakim terhadap kesalahan yang tidak secara jelas ditetapkan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Dinyatakan juga bahawa hukuman yang dikenakan itu biarlah setimpal dengan kesahalnya. Firman Allah :

وَجَزَاءُ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِّثْلُهَا فَمَنْ عَفَا وَأَصْلَحَ
فَاجِرُهُ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ¹

Maksudnya :

"Dan balasan suatu kejahatan itu, adalah kejahatan yang serupa, maka barang siapa memaafkannya dan berbuat baik, pahalanya ditanggung oleh Allah. Sesungguhnya Dia tidak menyukai orang-orang yang zalim".

Hakim yang menjatuhkan hukuman adalah ketua adat. Undang memiliki kuasa tertinggi sehingga ia boleh menjatuhkan hukuman bunuh. Kata perbilangan adat :

¹Al-Qur'an, Surah al-Shūrah, 42 : 40.

Tali pengikat pada Lembaga
Keris penyalang pada Undang
Pedang pemancung pada keadilan.

Seorang 'hakim' mesti berlaku adil tanpa mengira siapa yang bersalah termasuk kaum kerabatnya sendiri. Hukum adat tidak mahu dia bersikap :

Ibarat limau masam sebelah
Perahu karam sekerat
Tiba dir mata diicingkan
Tiba diperut dikempiskan
Berbenar ke pangkal lengan
Bersaksi ke hujung tapak.¹

Realitinya keputusan yang dikeluarkan oleh 'hakim' itu, mustahil memenuhi kehendak semua pihak. Oleh yang demikian dia mesti berhati-hati dalam membuat sesuatu keputusan supaya tidak berlaku sebarang kekecohan, umpama :

Menarik rambut di dalam tepung
Tepung jangan bergerak
Rambut jangan putus.²

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda :

لو ان فاطمة بنت محمد سرقت لقطعت يدها .³

Maksudnya :

"Sekiranya Fatimah binti Muhammad mencuri akan ku potong juga tangannya"

¹Mohd Yusof Md Nor, "Perlambangan Dalam Perbilangan Adat Perpatih : Satu Pandangan Umum", hlm. 5.

²Ibid., hlm. 6.

³Abi ^cAbudullah Muhammad b. Yazid al-Qazwīni, Sunan Ibnu Majah, juz. 2, hlm. 851.

Hadis ini mengingatkan supaya jangan disebabkan sipesalah itu kerabat sendiri, akan gugur hukuman ke atasnya atau dikenakan hukuman yang lebih ringan. Perbilangan adat juga ada berkata :

Biar mati anak, jangan mati adat.

Kesimpulannya, hukum adat yang telah ditetapkan oleh perlembagaan Adat Perpatih tidaklah selengkap hukum-hukum yang telah dijelaskan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Hukum adat yang hanya ciptaan manusia sudah tentu banyak kelemahannya. 'Undang-undang' yang dicatatkan dalam kata-kata perbilangan adat lebih didasarkan kepada situasi perbilangan itu diciptakan. Sudah tentu 'undang-undang' di zaman dahulu, tidak sesuai untuk dilaksanakan di zaman ini. Berbanding dengan undang-undang Islam, walaupun ia diturunkan 1500 tahun dahulu, tetapi ia sesuai untuk direalisasikan hingga ke akhir zaman kerana ia telah dijamin oleh Allah w.s.t. iaitu penciptanya.

BIBLIOGRAFI

al-Qur'ān al-Karīm

^CAbdullah Nāsih ^CUlwan, Tarbiah al-Aulād Fī al-Islam, 2 juzuk, Singapura: Kerjaya al-Mahmudah, 1975.

^CAbdullah Nasih ^CUlwan. Pendidikan Anak-anak Dalam Islam. Ptrj. Syed Ahmad Semait. 2 juzuk. Singapura : Pustaka Nasional Pte., Ltd., 1990M/1410H.

^CAbdullah Siddik, Dr. Pengantar Undang Adat di Malaysia, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975.

Abdullah Taib. Asas-asas Antropologi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985.

Abdul Rahman Mohammad. Dasar-dasar Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.

Abdul Samad Idris, Dato'. Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan. Seremban: Pustaka Asas, 1970.

Ahmad Amin, Dr. Kitab al-Akhlāk. Beirut : Dā al-Kitab al-^CArabi, 1969.

Abi Daud, Sulaimān Ibn. al-Ash^Cath al-Sajastāni. Sunan Abi Daud, 2 juzuk. Dar al- Fikri, t.t.

Aishah Hasan (Penterjemah). Pendidikan Islam Terhadap Anak-anak. 2 bahagian. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1928.

A. Kadir Yusof. "Mengenal Adat Perpatih : Struktur dan Organisasinya". Dewan Masyarakat. (April, 1973).

Amir Syarifuddin, Dr. Perlaksanaan Hukum Kewarisan Dalam Lingkungan Adat Minangkabau. Jakarta: P.T. Gunung Agung, 1984.

Ariff bin Kassim. "Berkedim: Satu Proses Bersaudara Dalam Adat Perpatih". Mastika (Februari, 1979).

A. Samad Idris, Tan Sri . Adat Perpatih. 52 Siri Rencana Akhbar Mingguan Malaysia 1988-1989, Dikumpulkan oleh Salimah Ali, Koleksi Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.

al-Banna, As-Syahid Hassan, al-Imām. Konsep Masyarakat Pembaharuan Islam. Ptrj. Su'adi Sa'ad. Malaysia : Thinker's Library Sdn. Bhd., 1988.

Bey Ariffin, H. Abdullah Said. Rahsia Ketahanan Mental Dan Bina Mental Dalam Islam. Surabaya. Penerbit 'al-Ikhlās, 1980.

- De Jong, P.E. Minangkabau and Negeri Sembilan: Socio Political Structure in Indonesia. t.tp : The Hague Martinus Nijhoff, 1952.
- Dewey, John. Teory of Moral Life. t.tp: Holt, Rinehart And Winston IWC., 1960.
- al-Farrā', Mohammad b. Husin, al-Qadi, al-Ahkām al-Sultāniah. Mesir: Mustaffa al-Bābī al-Halabi wa Auladuhu, 1966M/1386H.
- Gazalba, Sidi, Drs. Ilmu Islam. Kuala Lumpur: Perusahaan Offset-Bumikita, 1979.
- Gullick, J.M. Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978.
- Hamka, Haji Abdul Malik Karim Amrullah, Prof. Dr. Tafsir al-Azhar. 10 jilid. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., 1990.
- Hamka. Islam Dan Minangkabau. Jakarta : Penerbit Pustaka Panjimas, 1984.
- Hamzah Ya'qub, Dr. Ethika Islam. Jakarta : C.V. Publicita, 1979.
- Hanbal, Ahmad, al-Imām. Musnad al-Imam Ahmad b. Hanbal. 6 juzuk. Beirut : Maktabah Islami, t.th.
- Hussein bin Kassim. Adat Perpatih. Transkripsi Sejarah Lisan Koleksi Adat Perpatih (5 Oktober, 1989).
- Hooker, M.B. Adat Laws In Modern Malaya. Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1971.
- Hooker, M.B. Reading in Malay Adat Laws. Singapore : Universiti Press, 1970.
- Ibi. "Adat Dalam Masyarakat Melayu", Mastika, (March, 1962).
- Ibnu Majah, Abi ^CAbdullah Muhammad b. Yazid al-Qazwīni, Sunan Ibnu Majah. 2 juzuk t.tp : ^CIsa al-Bābī al-Halabi wa Syarkahu, t.t.
- Ibnu Manẓur, Jamaluddin Muhammad b. Mukram. Lisan al-^CArab. 15 jilid. Beirut, Dar al-Beirut, 1968M/1388H.
- Ibnu Kathīr, Abi al-Fidā' Isma^Cīl, al-Imām. Tafsir Ibnu Kathīr. 4 juzuk. Beirut: Dar al-Fikri, 1968.
- Ibrahim Atin, Perbilangan Adat. t.tp. Sinaran Bros. , t.t.
- Idrus Hakimi dt. Raja Penghulu, H. Rangkaian Mustika Adat Basan di Syarak di Minangkabau. Bandung: Remadja CV, 1984.
- Ismail Mat. "Pemakaian Kaedah Antropoligi dan Sains Perundangan Islam Dalam Kajian dan Penilaian Kos Undang-undang Adat".

Islāmiyyāt. Vol. 7 (1986).

Jamaluddin b. Abdullah. "Adat Menyembah: Mastika (Julai, 1958).

Khazin Mohd. Tamrin. Orang Jawa di Selangor, Penghijrahan dan Penempatan 1880 - 1940. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.

Kolb, Julius Gould William L., ed. A Dictionary of The Social Sciences. New York : The Free Press, t.t.

Lister, Martin. "Malay Law in Negeri Sembilan". JMBRAS, no. 22, 1980.

Mansoer, M.D., Drs. Sejarah Minangkabau. Jakarta: Bharata, 1970.

al-Marbawi, Mohammad Idris ^CAbdul Rauf. Kamus Idris al-Marbawi Arabi - Malayuwi. Mesir : Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuhu, 1350H.

al-Maududi, Abu ^CAla. Pokok Pandangan Hidup Muslim, Ptrj. Osman Ralibyh. Singapura: Pustaka : Nasinal Pte. Ltd, 1982.

M. Nasroen, Mr. Prof. Dasar Falsafah Adat Minangkabau. Djakarta: Bulan Bintang, 1971.

Mochtar Naim, Dr. Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau. Yogyakarta : Gajah Mada Universiti Press, 1979.

Mohamed Din bin Ali, Sambaan Chakap dan Pepatah Adat Melayu. Kuala Lumpur : The Economy, Printer Ltd. 1956.

Mohd Ridzuan Awang. Konsep Undang-undang Tanah Islam, Pendekatan dan Perbandingan. Kuala Lumpur: ar-Tahmaniah, 1987.

Mokhtar bin Hj. Md. Dom. Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia. Kuala Lumpur : Federal Publication, 1977.

M. Rasjid Manggis Datuk Radjo Panghoeloe. Minangkabau Sejarah Rengkas dan Adatnya. Jakarta: Penerbit Mutiara, 1982.

Muhammad Abul Quasem. The Ethics of al-Ghazali a Composite Ethics In Islam. Petaling Jaya: Central Printing Sendirian Berhad, 1975.

Muslim, Muslim b. al-Hajjāj, al-Imām, Sahīim. 5 jilid. Beirut: Dar al-Fikri, 1978M.

Nordin Bachik. Adat Perpatih. Transkripsi Sejarah Lisan, Koleksi Adat Perpatih.

Nordin Selat, Dr. Sistem Sosial Dalam Adat Perpatih. Kuala Lumpur:

Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd. 1982.

Nordin Yakub, Dt. B. Minangkabau Tanah Pusaka. Bukit Tinggi, Pustaka Indonesia, 1987.

Qutub, Muhammad ^CAli. Bai^Cat kaum Wanita Terhadap Rasulullah. Ptrj. Jamaluddin Kafie. Malaysia : Panamas Sdn. Bhd., 1984.

Qutub, Muhammad ^CAli. Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam. Ptrj. Haji Taib Azam, uddin Mohd Taib, Haji Mohammed Yasin Haji Abdul Majid Haji Jaafar, T. Muhammad. Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam. Kuala Lumpur : Pustaka Haji Abdul Majid, 1989.

Runnes, Dagobert D. Dictionary of Philosophy. U.S.A.: Littefield, Adams & Co., 1970.

al-Sayid Sabiq. Fikh Sunnah. t.tp Maktab al-Muslim., t.t.

Sayid Sabiq. Fikih Sunnah, Ptrj. Drs. Moh Thalib. Bandung: al-Ma'arif, 1981.

al-Tirmidhī, Abi ^CIsa Muhammad b. ^CIsa. al-Jami^C al-Sahī wa Huwa Sunan al-Tirmidhi. 5 juzuk. Mesir : Mustafa al-Babi wa Auladuhu, 1985M/1395H.

Winstedt, R.O. "Familhy Relationship in Negeri Sembilan". Journal of The F.M.S. Museums. Vol. IX, Part II (Januari, 1920)

Kertas Kerja

1. Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih. Anjuran PERMANIS, UKM. pada 17-18 September, 1988.

- i. Tan Sri Dato' Haji Abdul Samad Hj. Idris. "Secebis Adat Perpatih Nilai dan Falsafahnya".
- ii. Tuan Haji Md. Sharif Fakeh Hassan. "Keberkesanan Adat Papatih Di Dalam Pembentukan Sebuah Masyarakat Yang Dinamis".
- iii. Dato' Haji Mustafa Hj. Ahmad, "Adat Perpatih Dan Syarak" Di Negeri Sembilan".

2. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Anjuran UPM, 1984 .

- i. H.M. Dahlan, "Sistem Ide Dalam Masyarakat Adat".
- ii. Mohd Yusof b. Md. Nor. "Perlambangan Dalam Perbilangan

Adat Perpatih : Satu Pandangan Umum".

- iii. Idrus Hakimi Dt. Raja Penghulu. "Adat Minangkabau Basandi Syarak, Syarakt Basandi Kitabullah Dalam Pembangunan Masyarakat"

3. Kertas Kerja Seminar Persejaraahan Adat Perpatih Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan pada 10 -12 April, 1974.

- i. Haji Abbas b. Haji Ali, "Sebahagian Dari Dasar Adat (Tinjauan Secara Umum).
- ii. Haji Abd. Samad Idris. "Kemurnian Dalam Adat Perpatih".
- iii. Ustaz Hashim A. Ghani, "Kata-kata Perbilangan Dan Tafsirannya".
- iv. Idris b. Hj. Tain. "Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih Negeri Sembilan".
- v. Dr. Khoo Kay Kim, "Sistem Politik Negeri Sembilan".

Temubual

Tuan Haji Sharif Fakeh Hasan. Kg. Mula Rembau, N. Sembilan. Temubual pada 2.2.1991.

Ustaz Haji Mustafa Ahmad. Taman Datuk Wan, Seremban, N. Sembilan. Temubual pada 30.1.1991.

Ustaz Ali Baharum. Kadi Besar, Mahkamah Tinggi, Seremban. N. Sembilan, Temubual pada 30.1.1991.

Sulaiman Kedimi, Pegawai Bahagian Pesaka Daerah Kuala Pilah, N. Sembilan. Temubual pada 20.12.1990.